



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/
Agensi Dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan

NEGERI SARAWAK

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SARAWAK

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI Pengurusan Perkhidmatan Perunding	3
KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN SARAWAK JABATAN PERTANIAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN Program Pembangunan Industri Padi	16
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, JABATAN KETUA MENTERI Pengurusan Penyenggaraan Pengkomputeran Negeri	46
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK Pengurusan Harwood Timber Sdn. Bhd.	55
YAYASAN SARAWAK Petronesa Sdn. Bhd.	67
PENUTUP	79



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenalkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 3 lagi aktiviti iaitu Pengurusan Perkhidmatan Perunding, Program Pembangunan Industri Padi dan Pengurusan Penyenggaraan Pengkomputeran Negeri serta 2 pengurusan syarikat iaitu Pengurusan Harwood Timber Sdn. Bhd. Dan Petronesa Sdn. Bhd. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 21 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

20 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

- Pengurusan Perkhidmatan Perunding

1.1. Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan ditakrifkan sebagai perunding yang dilantik oleh sesebuah agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau yang berbentuk kajian atau penyelidikan. Peranan perunding adalah penting bagi memastikan projek atau kajian yang dipertanggungjawabkan diurus, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Tugas perunding merangkumi mengurus projek atau kajian mengikut keperluan yang ditetapkan, mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek atau kajian, mengurus sumber yang terlibat, memberi input pakar terhadap sesuatu projek atau kajian, mengurus masa mengikut perancangan dan menepati jadual pelaksanaan dan memantau kualiti kerja. Setakat bulan Disember 2012, terdapat 164 perunding yang berdaftar dengan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN). Bagi tempoh 2010 sehingga 2012 terdapat 686 perkhidmatan perunding yang telah digunakan oleh 26 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Kos sebenar projek bernilai RM8.96 bilion serta kos perkhidmatan perunding bagi tempoh tersebut adalah RM529.68 juta. Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) merupakan agensi pelaksana yang menggunakan perkhidmatan perunding tertinggi. Kedua-dua Jabatan ini berkenaan telah menggunakan sebanyak 470 perunding untuk melaksanakan 225 projek yang bernilai RM8.07 bilion dengan kos perunding sejumlah RM447.04 juta.

1.2. Pengauditan yang telah dijalankan di antara bulan Julai hingga November 2012 mendapati pengurusan perkhidmatan perunding kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kurang pemantauan oleh pihak JKR dan JTS terhadap kerja yang dilaksanakan oleh perunding menyebabkan 59 projek atau 26.2% daripada 225 projek yang dijalankan oleh JKR dan JTS tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu 50 projek atau 22.2% lewat disiapkan dan 9 projek atau 4% projek terbengkalai.
- Pangkalan data dan sistem repositori Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS) tidak disenggara dengan lengkap.
- Pelaksanaan projek seperti penyediaan plan reka bentuk dan dokumen tender oleh perunding mengambil masa lebih dari yang ditetapkan.
- Kurang koordinasi antara agensi pelaksana, perunding, kontraktor dan pembekal utiliti.

- Isu bantahan penduduk tidak diselesaikan di peringkat awal oleh agensi pelaksana dan perunding.
- Pengurusan perolehan perkhidmatan perunding kurang memuaskan.

1.3. Bagi meningkatkan Pengurusan Perkhidmatan Perunding, adalah disyorkan langkah berikut diambil:

1.3.1. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan agensi pelaksana hendaklah memastikan sistem repositori perunding disenggara dengan lengkap.

1.3.2. Agensi pelaksana hendaklah memastikan perunding memainkan peranan yang ditetapkan dalam kontrak dengan berkesan dan masalah ditangani pada peringkat awal serta projek disiapkan dalam tempoh yang dipersetujui.

1.3.3. Pihak Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah mengkaji semula kaedah perolehan perkhidmatan perunding dengan mengambil kira aspek prestasi serta keupayaan perunding.

1.3.4. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan agensi pelaksana hendaklah meningkatkan penyeliaan dan pemantauan serta memastikan pengurusan perkhidmatan perunding dilaksanakan dengan berkesan bagi mendapat *value for money* untuk setiap perkhidmatan yang diperoleh.

2. KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN SARAWAK

JABATAN PERTANIAN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Program Pembangunan Industri Padi

2.1. Padi dikategorikan sebagai *food security crop* oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Sarawak telah mensasarkan tahap *self-sufficiency* beras 70% pada akhir tahun 2010 selaras dengan Polisi Pertanian Negara Ke-3 (NAP3). Bagi mencapai matlamat berkenaan, Jabatan Pertanian (Jabatan) telah merangka Program Pembangunan Industri Padi (PPIP) sebagai strategi pembangunan untuk meningkat produktiviti dan pengeluaran padi. Objektif PPIP di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah untuk mencapai sasaran tahap *self-sufficiency* beras pada 70% melalui pengeluaran padi secara berkelompok serta komersial, meningkat produktiviti padi daripada 2.9 tan metrik sehektar kepada 5.0 tan metrik sehektar pada tahun 2010 dan meningkat pendapatan serta taraf kehidupan penanam padi. Hala tuju pembangunan industri padi adalah untuk membangun 8 kawasan jelapang padi utama seluas 43,821 hektar. Kawasan ini akan diusahakan oleh sektor swasta secara berskala besar melalui sistem pengurusan berpusat dan berintensifkan jentera. Di bawah RMKe-9, Jabatan Pertanian (Jabatan) dan Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS) membelanjakan sejumlah RM235.03 juta atau 93.1% daripada peruntukan sejumlah RM252.48 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk

PPIP. Jabatan menerima peruntukan sejumlah RM25.95 juta daripada Kerajaan Negeri di mana sejumlah RM9.24 juta adalah untuk bantuan baja padi bukit dan racun dilaksanakan di bawah komponen bantuan baja padi bukit dan khidmat sokongan. Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan sejumlah RM29.30 juta untuk bantuan baja padi bukit di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBK). Bantuan ini telah memanfaatkan seramai 62,819 penanam padi bukit. Bagi tempoh yang sama, Jabatan juga menerima bantuan baja dan racun *in-kind* daripada Kerajaan Persekutuan bernilai RM255.26 juta termasuk RM202.85 juta di bawah DJBK untuk penanaman padi sawah. Bantuan tersebut telah memanfaatkan seramai 96,231 pesawah.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan PPIP adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti:

- Sasaran tahap 70% *self-sufficiency* beras pada akhir RMKe-9 tidak tercapai.
- Pembinaan Pusat Pengeluaran Dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC) Stumbin untuk pengeluaran serta pemprosesan benih padi sah belum siap.
- Pengeluaran biji benih padi sah dan/atau berkualiti oleh pembekal tidak tercapai.
- Reka bentuk projek tidak praktikal.
- Kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi dan kualiti kerja rendah, kelemahan dalam koordinasi dan pemantauan kerja kontraktor serta kerja penyenggaraan tidak dilakukan.
- Pengurusan perolehan dan pembayaran racun yang tidak mengikut prosedur kewangan.

2.3. Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan program ini adalah disyorkan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan perancangan dan pengurusan projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur ladang dilakukan dengan rapi.

2.3.2. Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan infrastruktur padi dilaksanakan mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang ditetapkan, memantau kerja yang dilakukan kontraktor, meningkatkan koordinasi dan melakukan kerja penyenggaraan.

2.3.3. Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian hendaklah memastikan pembinaan SPPC disegerakan.

2.3.4. Jabatan Pertanian hendaklah memastikan pengurusan perolehan input pertanian teratur, perjanjian kontrak disediakan, perolehan racun rumpai mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan untuk memastikan input pertanian dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.3.5. Komunikasi dan koordinasi antara Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Agensi Kerajaan lain yang terlibat hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan objektif Program Pembangunan Industri Padi tercapai.

3. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, JABATAN KETUA MENTERI

- Pengurusan Penyenggaraan Pengkomputeran Negeri

3.1. Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK) berperanan sebagai perancang dan pelaksana program teknologi maklumat dan komunikasi bagi Perkhidmatan Awam Negeri. Penyenggaraan pengkomputeran Negeri Sarawak adalah merangkumi Penyenggaraan Perkakasan dan Perisian Komputer, Penyenggaraan Sistem Aplikasi *Client Server*, Penyenggaraan Aplikasi Sistem Laman Sesawang, Penyenggaraan Perkhidmatan SarawakNet dan Penyenggaraan Rangkaian Infrastruktur. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sejumlah RM137.61 juta atau 98.2% telah dibelanjakan daripada RM140.11 juta peruntukan yang diterima bagi penyenggaraan pengkomputeran iaitu sejumlah RM38.55 juta peruntukan bagi tahun 2010, RM49.72 juta pada tahun 2011 dan RM51.84 juta pada tahun 2012 telah diterima bagi perbelanjaan penyenggaraan pengkomputeran dan daripada jumlah tersebut sebanyak 95.6% telah dibelanjakan bagi tahun 2010, 98.6% telah dibelanjakan bagi tahun 2011 dan 99.8% telah dibelanjakan bagi tahun 2012.

3.2. Pengauditan yang dilaksanakan daripada bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan pengkomputeran negeri adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti berikut:

- Kelewatan dalam *Turn Around Time* (TAT).
- Pengurusan kontrak berkaitan kadar, syarat TAT dan pegawai sangkutan SAINS tidak memuaskan.

3.3 Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan pengkomputeran dapat ditambah baik, pihak Audit mengesyorkan Unit Teknologi Maklumat mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Mengadakan klausa penalti supaya kelewatan menyediakan perkhidmatan dikenakan denda dan semakan terperinci serta pengesahan juga hendaklah dibuat terhadap *Service Level Agreement Service Request Reporting System* bagi memastikan kerja penyenggaraan siap dengan serta pembayaran adalah betul dan mengikut peraturan kewangan.

3.3.2. Memastikan kadar bagi Aplikasi Sistem Laman Sesawang diseragamkan untuk semua perjanjian dan kadar bagi keperluan *bandwidth* ditetapkan bagi menjaga kepentingan kerajaan.

3.3.3. Memastikan kontrak bagi pegawai sangkutan SAINS ditandatangani dan skop tugas diperincikan.

3.3.4. Memastikan hanya pegawai tetap di UTMK dibenarkan mengesahkan kerja/perkhidmatan serta meluluskan pembayaran bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.

4. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

- Pengurusan Harwood Timber Sdn. Bhd.

4.1. Harwood Timber Sdn. Bhd. (Harwood) telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk memantau pengagihan balak di negeri Sarawak dan balak yang dieksport. Aktiviti utama Harwood adalah memeriksa dan mengesahkan balak yang telah dikenakan royalti oleh Perbadanan Perhutanan Sarawak serta mengeluarkan pas kebenaran bagi mengangkut balak kepada pelesen. Harwood ditubuhkan pada 3 Januari 1985 dengan modal dibenarkan berjumlah RM20 juta. Modal berbayar Harwood berjumlah RM12 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak. Pada tahun 2011, Harwood mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.60 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM100.49 juta.

4.2. Pengauditan telah dilaksanakan dari Oktober 2012 hingga Februari 2013. Secara keseluruhannya mendapati prestasi kewangan Harwood adalah baik. Harwood telah mencatatkan keuntungan selepas cukai RM3.94 juta pada tahun 2009, RM4.27 juta pada tahun 2010 dan RM4.60 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2011, keuntungan terkumpul Harwood berjumlah RM100.49 juta. Selain itu, pengauditan yang dijalankan juga mendapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Harwood adalah memuaskan selain perkara seperti berikut:

- *Endorsement Clearance Certificate* (ECC) dikeluarkan walaupun pelesen mempunyai baki tunggakan hutang.
- Bukti pengiraan kayu balak untuk pengeluaran ECC tidak diperolehi.
- Rancangan korporat tidak disediakan.
- Peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

4.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat Harwood Sdn. Bhd. (Harwood) adalah disyorkan:

4.3.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat memandangkan syarikat bercadang mengembangkan aktiviti dalam bidang lain.

4.3.2. Memastikan proses pengeluaran ECC dan pemeriksaan balak dipatuhi sepenuhnya dan sistem kewangan berkomputer Harwood hendaklah diautomasikan bagi memberi peringatan tunggakan hutang syarikat sebelum ECC baru dikeluarkan serta had dan tempoh tunggakan ditetapkan.

4.3.3. Mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya dan Unit Audit Dalam PUSAKA hendaklah melakukan pengauditan terhadap aktiviti utama Harwood.

4.3.4. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Harwood dan PUSAKA.

5. YAYASAN SARAWAK

- Petronesa Sdn. Bhd.

5.1. Petronesa Sdn. Bhd. (PSB) merupakan syarikat subsidiari Yayasan Sarawak (YS) yang memiliki 60% syer manakala 30% syer dimiliki oleh syarikat bumiputera dan baki 10% syer lagi dimiliki oleh orang perseorangan dengan modal dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM8 juta. Aktiviti utama PSB adalah menjalankan perniagaan menjual produk pengguna seperti kelengkapan rumah kepada kakitangan awam di seluruh Malaysia melalui skim pinjaman. Pada tahun 2011, PSB mencatat keuntungan selepas cukai sejumlah RM5.14 juta dan keuntungan terkumpul RM24.35 juta.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan PSB adalah baik kerana mencatatkan keuntungan selepas cukai daripada sejumlah RM2.26 juta pada tahun 2009 kepada RM5.21 juta tahun 2010 iaitu 130% peningkatan dan RM5.14 juta pada tahun 2011. Keuntungan terkumpul menurun daripada RM24.16 juta pada 2009 kepada RM21.46 juta pada 2010 tetapi meningkat semula kepada RM24.35 juta pada tahun 2011. Selain itu, pengauditan yang dijalankan juga mendapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PSB adalah memuaskan. Namun terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut:

- Ada kes-kes di mana kelulusan pinjaman tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Tiada senarai tunggakan terkumpul bagi tunggakan bayaran balik.
- Rancangan korporat belum disediakan.
- *Standard Operating Procedures* belum disediakan.

5.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat Petronesa Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

5.3.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

5.3.2. Memperketatkan proses tapisan permohonan pinjaman dan melakukan perumuran tunggakan sebagai mekanisme kawalan terhadap tunggakan.

5.3.3. Menyediakan *Standard Operating Procedures* untuk mengurus dan mengawal operasi kewangan dengan cekap dan teratur.

5.3.4. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Petronesa Sdn. Bhd. dan Yayasan Sarawak.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

1. PENGURUSAN PERKHIDMATAN PERUNDING

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan ditakrifkan sebagai perunding yang dilantik oleh sesebuah agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau yang berbentuk kajian atau penyelidikan. Peranan perunding adalah penting bagi memastikan projek atau kajian yang dipertanggungjawabkan diurus, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Tugas perunding merangkumi mengurus projek atau melaksanakan kajian mengikut keperluan yang ditetapkan, mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek atau kajian, mengurus sumber yang terlibat, memberi input pakar terhadap sesuatu projek atau kajian, mengurus masa mengikut perancangan dan menepati jadual pelaksanaan dan memantau kualiti kerja.

1.1.2. Selaras dengan kehendak peraturan kewangan, perunding perlu berdaftar dengan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN) untuk dipertimbangkan dan dilantik bagi menyediakan perkhidmatan perunding. Bagi perolehan perkhidmatan perunding untuk kajian atau penyelidikan, pendaftaran dengan PSKN adalah tidak disyaratkan di dalam bidang tertentu. Agensi Kerajaan Negeri yang memerlukan perkhidmatan perunding hendaklah terlebih dahulu memohon kelulusan daripada PSKN. Bagi projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan pelantikan perunding hendaklah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui Kementerian yang bertanggungjawab terhadap agensi berkenaan. Semua agensi Kerajaan berkenaan hendaklah mengemas kini prestasi pelaksanaan projek ke Sistem *Sarawak Monitor* di bawah senggaraan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Jabatan Ketua Menteri.

1.1.3. Sehingga akhir tahun 2012, terdapat 164 perunding yang berdaftar dengan PSKN. Bagi tempoh 2010 sehingga 2012 terdapat 686 perkhidmatan perunding yang telah digunakan oleh 26 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Kos bagi melaksanakan 360 projek untuk tempoh tersebut adalah RM8.96 bilion manakala kos perkhidmatan perunding yang digunakan adalah RM529.68 juta adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Perkhidmatan Perunding Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Bil.	Bidang Perkhidmatan	Bil.		Kos	
		Projek	Perunding	Projek (RM Juta)	Perunding (RM Juta)
1.	Projek Fizikal	338	664	8,921.94	509.09
2.	Kajian	22	22	38.34	20.59
Jumlah		360	686	8,960.28	529.68

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada perkhidmatan perunding diurus dengan cekap dan berhemat untuk menghasilkan projek yang bermutu atau kajian yang berkesan serta dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan perunding bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di PSKN, JKR, JTS, Unit Perancang Negeri (UPN) dan SIMU. Pengauditan dijalankan dengan menyemak undang-undang serta peraturan yang ditetapkan, manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, data serta maklumat perihal pengurusan perkhidmatan perunding, program serta jadual kerja, dokumen kontrak, laporan, minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga November 2012 mendapati pengurusan perkhidmatan perunding kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kurang pemantauan oleh pihak JKR dan JTS terhadap kerja yang dilaksanakan oleh perunding menyebabkan 59 projek atau 26.2% daripada 225 projek yang dijalankan oleh JKR dan JTS tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu 50 projek atau 22.2% lewat disiapkan dan 9 projek atau 4% projek terbengkalai.
- Pangkalan data dan sistem repositori Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS) tidak disenggara dengan lengkap.
- Pelaksanaan projek seperti penyediaan plan reka bentuk dan dokumen tender oleh perunding mengambil masa lebih dari yang ditetapkan.
- Kurang koordinasi antara agensi pelaksana, perunding, kontraktor dan pembekal utiliti.

- Isu bantahan penduduk tidak diselesaikan di peringkat awal oleh agensi pelaksana dan perunding.
- Pengurusan perolehan perkhidmatan perunding kurang memuaskan.

1.4.1. Prestasi Keseluruhan

- Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) merupakan agensi pelaksana yang menggunakan perkhidmatan perunding tertinggi. JKR dan JTS telah menggunakan 470 perkhidmatan perunding yang melibatkan kos sejumlah RM447.04 juta untuk melaksanakan 225 projek bernilai RM8.07 bilion. Maklumat lanjut perkhidmatan perunding oleh JKR dan JTS bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Perkhidmatan Perunding Yang Digunakan Oleh JKR Dan JTS Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Bil.	Agensi Pelaksana	Bil.		Kos	
		Projek	Perunding	Projek (RM Juta)	Perunding (RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya	110	335	7,932.42	421.10
2.	Jabatan Tanah Dan Survei	115	135	133.37	25.94
Jumlah		225	470	8,065.79	447.04

Sumber: Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah Dan Survei

- Semakan Audit mendapati 59 projek atau 26.2% daripada 225 projek tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 50 projek atau 22.2% lewat disiapkan manakala 9 projek atau 4% projek terbengkalai disebabkan kurang pemantauan oleh pihak JKR dan JTS terhadap kerja yang dilaksanakan oleh perunding.

1.4.1.1. Pangkalan Data Dan Sistem Repositori Tidak Disenggara Dengan Lengkap

- PSKN telah membangunkan Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS) pada tahun 2010 dengan kos sejumlah RM24,044. Sistem ini bertujuan membolehkan agensi Kerajaan mendapat maklumat terkini mengenai kontraktor/pembekal/perunding serta maklumat prestasi kerja yang sedang atau telah siap dijalankan oleh perunding dan boleh diakses oleh semua agensi kerajaan. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bilangan 5 Tahun 2010, menetapkan agensi pelaksana bertanggungjawab mengemas kini maklumat secara atas talian.
- Semakan Audit di JKR dan JTS mendapati sehingga akhir tahun 2012 sistem ini belum digunakan sepenuhnya. Semakan Audit seterusnya mendapati JKR dan JTS belum mengemaskini sistem maklumat berkenaan. Jabatan Kerja Raya hanya mengemaskini maklumat berkaitan profil perunding sahaja manakala JTS hanya mengemaskini maklumat serta prestasi kerja perunding.

- c. **Maklum balas daripada PSKN bertarikh 31 Januari 2013 menyatakan bahawa bagi meningkatkan penggunaan sistem CoRIS di kalangan agensi pengguna, PSKN akan mengeluarkan surat pekeliling untuk mematuhi penggunaan sistem CoRIS dengan mengambilkira cadangan penambahbaikan oleh agensi pelaksana terhadap sistem sedia ada dan sebagai susulan kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bilangan 5 Tahun 2010.**

1.4.1.2. Pelaksanaan Projek Mengambil Masa Lebih Dari Yang Ditetapkan

- a. Perunding hendaklah memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual kerja yang diluluskan dan dilaksanakan selaras dengan peraturan, prosedur dan mematuhi syarat serta spesifikasi kontrak. Semakan Audit terhadap 11 projek JKR yang melibatkan 36 perkhidmatan perunding mendapati tempoh yang diambil untuk menyiapkan setiap peringkat projek adalah antara 7 hingga 55 bulan. Ini disebabkan kerja dijalankan tidak selaras dengan jadual yang ditetapkan atau jadual kerja tidak disediakan memandangkan projek dilaksanakan secara berperingkat. Bagaimanapun, perkara ini tidak menyebabkan pertambahan kos perkhidmatan perunding yang digunakan oleh agensi pelaksana dan pembayaran adalah seperti ditetapkan dalam kontrak. Contoh maklumat mengenai proses kerja untuk pengurusan projek oleh perunding yang mengambil masa lebih adalah seperti di **Jadual 1.3.**

Jadual 1.3
Pengurusan Projek Oleh Perunding Yang Mengambil Masa Lebih

Bil.	Projek	Proses Kerja	Tempoh Diambil	Catatan
1.	<i>Skrang Water Supply</i>	Penyediaan plan reka bentuk - arahan penyediaan sehingga plan serta reka bentuk muktamad	26.06.2002-29.08.2003 (14 bulan)	Projek masih dalam pelaksanaan
		Menjalankan survei - proses melantik perunding sehingga mengemukakan program kerja, plan dan lukisan	13.08.2002-24.02.2003 (7 bulan)	
2.	<i>Pakan Water Supply</i>	Penyediaan plan reka bentuk - arahan penyediaan sehingga plan serta reka bentuk yang muktamad	24.10.2002-30.05.2007 (55 bulan)	Projek masih dalam pelaksanaan
		Menjalankan survei - proses melantik perunding sehingga mengemukakan program kerja, plan dan lukisan	04.01.2005-24.04.2006 (5 bulan)	
		Penyediaan dokumen tender - membuat anggaran sehingga draf	09.07.2007-29.04.2010 (33 bulan)	
		- Kerja siasatan/penyelidikan seperti <i>sub-surface investigation</i> - arahan kerja sehingga laporan dikemukakan	21.08.2007-29.09.2008 (13 bulan)	

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 menyatakan bahawa salah satu faktor utama yang menyebabkan perunding mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sesuatu plan reka bentuk/dokumen tender adalah**

kerana tiada peruntukan atau peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek bekalan air. Bagi projek Bekalan Air Skrang Fasa II sehingga kini masih tiada peruntukan. Manakala bagi projek Bekalan Air Pakan Fasa II, arahan telah diberi kepada perunding untuk meneruskan kerja reka bentuk dan penyediaan dokumen tender setelah dimaklum oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bahawa terdapat peruntukan bagi melaksanakan projek ini.

1.4.1.3. Pemantauan Kurang Memuaskan

- a. Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar dan mematuhi semua syarat kontrak serta spesifikasi kerja, agensi pelaksana perlu membuat pemantauan. Semakan Audit mendapati kaedah pemantauan yang diamalkan oleh agensi pelaksana ialah melalui mesyuarat serta laporan bulanan dan membuat lawatan ke tapak. Pemantauan terhadap kemajuan projek juga dibuat melalui 2 sistem iaitu *Sarawak Monitor* dan *Development Project Implementation System* (DPIS). Melalui kedua-dua sistem ini, agensi pelaksana perlu menyenggarakan maklumat atas talian berkaitan projek yang dilaksanakan seperti maklumat serta status projek dan maklumat peruntukan seperti sumber, jumlah diluluskan, diterima dan dibelanjakan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang kaedah serta mekanisme pemantauan seperti yang ditetapkan telah dilaksanakan dengan teratur kerana tiada jadual lawatan serta laporan berkaitan disediakan oleh JTS dan JKR. Laporan bulanan yang disediakan oleh perunding didapati terlalu ringkas dan tidak menunjukkan dengan jelas langkah yang telah diambil untuk menangani masalah dalam pengurusan projek. JTS didapati kerap membuat urusan dengan perunding melalui telefon dan tiada laporan atau rekod diselenggarakan terhadap perkara atau keputusan yang telah dibincangkan. Semakan Audit seterusnya mendapati pemantauan tidak dijalankan dengan berkesan kerana terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek.
- c. **Maklum balas daripada PSKN bertarikh 28 Februari 2013 menyatakan bahawa JTS akan memperbaiki proses pemantauan dengan menyimpan rekod perhubungan surat-menyurat dan perbualan melalui telefon.**

1.4.1.4. Kurang Koordinasi Dalam Pengurusan Projek

Perunding yang dilantik sebagai Perunding Utama (*lead consultant*) kepada projek adalah bertanggungjawab untuk menentukan semua kerja berjalan dengan lancar dan sempurna. Bagi mencapai tujuan ini, perunding perlu memastikan program kerja antara pihak pembekal utiliti, kontraktor dan sub kontraktor bersesuaian sebelum projek dimulakan. Mesyuarat koordinasi antara perunding, agensi pelaksana, kontraktor dan pihak pembekal utiliti seperti Syarikat SESCO Bhd. (Sesco), Syarikat Telekom Malaysia (Telekom), Petronas Gas Bhd. (Petronas) dan sebagainya diadakan sebelum projek dimulakan.

a. Koordinasi Dengan Pihak Pembekal Utiliti

Semakan Audit mendapati kontraktor masih menghadapi masalah menjalankan kerja kerana utiliti seperti paip gas, tiang elektrik dan *sub-station* di sebahagian tapak berkenaan belum dialihkan. Ini disebabkan perunding gagal memastikan jadual kerja pengalihan oleh pembekal utiliti berkenaan selaras dengan kerja kontraktor. Contoh adalah seperti berikut:

- i. Projek Menaiktaraf Jalan Pujut/Tudan/Kuala Baram, Miri di mana sejak bulan Ogos 2011 sehingga Jun 2012, kontraktor telah melaporkan kerja pembinaan terganggu disebabkan utiliti milik Telekom, Petronas dan SESCO belum dialihkan.
- ii. Projek Menaiktaraf Jalan Tun Jugah/Jalan Song/*Upland Interchange*, Kuching di mana kontraktor sejak bulan Mac 2011 sehingga Julai 2012 telah melaporkan kerja terganggu disebabkan halangan beberapa lampu jalan dan *sub-station* milik SESCO yang belum dialihkan lagi.
- iii. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 menyatakan bahawa pihak pembekal utiliti terlibat tiada peruntukan serta program kerja untuk mengalihkan utiliti semasa kontrak dimulakan dan ini menyebabkan kelewatan untuk bertindak. Lokasi paip/kabel di bawah tanah sukar ditentukan dan *pilot holes* perlu digali di tapak bagi menentukan skop, kaedah dan kos sebenar untuk mengalih bahan utiliti.**

b. Koordinasi Antara Kontraktor Dengan Sub Kontraktor

- i. Semakan Audit juga mendapati antara faktor yang menyebabkan kerja tidak dapat dijalankan dengan lancar ialah kurang koordinasi antara kontraktor dengan sub kontraktor yang menjalankan pelbagai kerja. Contohnya, bagi projek Pembinaan Mahkamah Baru di Sarikei, kerja elektrik hanya dijalankan setelah siling disiapkan menyebabkan siling berkenaan mengalami kerosakan semasa kerja elektrik dilaksanakan. Semakan Audit seterusnya mendapati perunding untuk kerja elektrik tidak pernah menghadiri mesyuarat tersebut. Kelemahan dalam koordinasi kerja terutamanya kerja elektrik juga berlaku dalam pelaksanaan projek *Infectious Diseases Isolation Ward*, Hospital Umum Sarawak di Kuching.
- ii. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 menyatakan bahawa masalah koordinasi antara kontraktor dengan sub kontraktor yang dilantik adalah di luar kawalan perunding. Bagi menambahbaik pengurusan, JKR dalam proses penstrukturan semula jabatan dengan menubuhkan 3 Pejabat Wilayah iaitu Pejabat Wilayah Selatan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012, Pejabat Wilayah Tengah dan Pejabat Wilayah Utara yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 2012. Pejabat Wilayah ini berfungsi secara sepenuhnya menyelia dan memantau pelaksanaan projek.**

c. Isu Bantahan Penduduk Tidak Diselesaikan Di Peringkat Awal

- i. Semakan Audit mendapati walaupun perbincangan bersama penduduk tempatan telah dibuat masih berlaku bantahan serta sekatan oleh sebahagian penduduk tempatan. Bagaimanapun, agensi pelaksana masih membenarkan perunding memulakan kerja tanpa menangani isu bantahan terlebih dahulu. Contohnya, semakan Audit mendapati 4 daripada 10 sampel projek survei oleh JTS tergendala disebabkan bantahan penduduk seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Isu Bantahan Penduduk Tidak Diselesaikan Di Peringkat Awal

Bil.	Projek	Perunding	Tarikh Lantikan	Tarikh Kontrak	Catatan
1.	<i>1st Control Along At Tunoh Area, Kapit</i>	Wann Geomatics Survey	17.07.2009	24.08.2009	- Menjalankan kerja survei - Kerja perlu disiapkan sebelum atau pada 18.09.2009. Perunding telah menyerahkan balik kerja yang belum siap (projek terbengkalai) pada 01.09.2010 disebabkan bantahan oleh penduduk tempatan.
2.	<i>Perimeter Survey Of NCR Land At Sg. Katibas, Song L.D. Kapit</i>	Juruukur Prima	28.02.2011	28.03.2011	- Menjalankan kerja survei. - Kerja perlu disiapkan sebelum atau pada 29.03.2011. Perunding telah memohon 2 kali lanjutan masa atas sebab mendapat halangan daripada penduduk tempatan dan sehingga 09.07.2012 projek belum disiapkan.
3.	<i>Land Acquisition Survey For Jalan Ngungun/ Jagau, Area A (KM0-11), Sibul</i>	Juruukur Jaya	05.03.2012	27.03.2012	- Menjalankan kerja survei. - Kerja perlu disiapkan sebelum atau pada 18.05.2012. - Kerja telah dimulakan pada 09.03.2012 manakala sesi dialog hanya diadakan pada 02.05.2012 dan 17.05.2012.
4.	<i>Land Acquisition Survey For Jalan Ngungun/ Jagau, Area B (KM11-22), Sibul</i>	Jurukon Malaysia	05.03.2012	13.03.2013	- Menjalankan kerja survei - Kerja perlu disiapkan sebelum atau pada 31.07.2012 - Lanjutan masa pertama diberi sehingga 18.06.2012 disebabkan bantahan penduduk tempatan - Kerja telah dimulakan pada 27.04.2012 manakala sesi dialog hanya diadakan pada 17.05.2012

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

- ii. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 1 Februari 2013 menyatakan bagi meminimalkan masalah pelaksanaan projek, JTS mengambil pendekatan dengan mewajibkan semua pejabat bahagian mengadakan dialog dan sesi penerangan kepada penduduk yang terlibat sebelum kerja di lapangan dilaksanakan. Maklum balas daripada PSKN bertarikh 28 Februari 2013 menyatakan bahawa JTS masih membenarkan perunding memulakan kerja disebabkan bantahan yang berlaku adalah di luar jangkaan dan JTS perlu menanggung kos mobilasi/demobilasi pasukan perunding.**

Pada pendapat Audit, sistem CoRIS perlu disenggarakan dengan lengkap oleh agensi pelaksana. Selain itu, agensi pelaksana hendaklah memastikan perunding memainkan peranannya yang ditetapkan oleh kontrak dengan berkesan dan masalah ditangani pada peringkat awal serta projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak Audit juga berpendapat bahawa skop kerja perunding seharusnya merangkumi aspek mengkoordinasi semua syarikat utiliti bagi memindahkan utiliti dalam kawasan projek.

1.4.2. Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Perunding Kurang Memuaskan

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan pengurusan perolehan mematuhi prosedur yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan teratur. Menurut Manual Perolehan Perunding (Edisi 2011) oleh MOF, bagi projek yang melibatkan kos tidak melebihi RM1 juta, perunding utama dibenarkan untuk melantik perunding bidang lain.

1.4.2.1. Kaedah Perolehan Secara Lantikan Terus

- a. Semakan Audit mendapati perolehan perkhidmatan perunding dibuat secara lantikan terus. Pemilihan serta penilaian terhadap perunding dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal di peringkat agensi pelaksana dan sekurang-kurangnya 3 perunding akan dicadang dan dikemukakan kepada PSKN/MOF untuk mendapat kelulusan. PSKN menetapkan kriteria penilaian am bagi pelantikan perkhidmatan perunding tetapi tidak menggunakan kaedah penilaian objektif seperti nilai wajaran, pemarkahan dan tanda aras bagi penilaian teknikal dan kos ditetapkan oleh PSKN. Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding (Edisi 2011) yang dikeluarkan oleh MOF menyatakan agensi hendaklah menetapkan kaedah pemilihan firma perunding dan menentukan kriteria/sub kriteria penilaian untuk tujuan pemilihan yang adil dan saksama.
- b. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak JTS ada mengemukakan justifikasi bagi menyokong perkhidmatan perunding yang diperlukan kepada PSKN untuk kelulusan. Selain itu, dokumen yang diperlukan seperti Program Kerja, maklumat perihal ahli kumpulan kerja dan surat setuju terima kerja ada dikemukakan oleh perunding. JTS ada membuat penilaian dari aspek prestasi kerja perunding berdasarkan pelaksanaan projek terdahulu dan tenaga kerja serta beban kerja iaitu bilangan projek yang sedang dijalankan oleh perunding untuk JTS. Manakala semakan Audit

di JKR mendapati penilaian terhadap prestasi perunding ada dijalankan tetapi pangkalan data tidak disenggara.

- c. Semakan Audit juga mendapati kaedah serta amalan pelantikan perunding oleh agensi Kerajaan Negeri dibuat secara berasingan mengikut bidang seperti Arkitek Perunding, Jurutera Awam dan Struktur, Juru Ukur dan Jurutera Mekanikal dan Elektrikal untuk sesuatu projek. Amalan ini juga adalah antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan dalam proses perolehan perkhidmatan perunding.
- d. **Maklum balas daripada PSKN bertarikh 31 Januari 2013 menyatakan bahawa PSKN akan mengeluarkan surat pekeliling pelantikan perunding kepada agensi pelaksana dengan menyediakan kriteria yang lebih jelas yang perlu dipatuhi. Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 menyatakan bahawa Garis Panduan yang baharu iaitu “Guideline On Consultant Assessment For Procurement Of Consultancy Services For JKR Sarawak State-Funded Projects” telah digunakan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Garis Panduan ini antara lainnya mengambil kira bilangan tenaga kerja yang ada, pengalaman, kekukuhan kewangan dan rekod projek yang sedang dan telah dilaksanakan oleh perunding.**

1.4.2.2. Perkhidmatan Perunding Diteruskan Tanpa Penilaian Semula

- a. Penilaian terhadap prestasi serta keupayaan semasa perunding penting untuk memastikan perkhidmatan yang diperolehi adalah yang terbaik. Semakan Audit di JKR mendapati kes di mana projek berkenaan belum dilaksanakan atau terdapat kerja tambahan pada projek dan pelantikan perunding bagi projek tersebut telah dibuat lebih dari 10 tahun. Perkhidmatan perunding yang sama masih dikekalkan tanpa membuat penilaian semula terhadap keupayaan perunding berkenaan. Pihak JKR juga tidak membuat tawaran semula atau menyediakan perjanjian baru dan tiada bukti penerusan perkhidmatan perunding ini telah mendapat sokongan serta kelulusan PSKN. Contoh perkhidmatan perunding diteruskan tanpa penilaian semula adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5

Perkhidmatan Perunding Yang Diteruskan Tanpa Dinilai Semula

Bil.	Projek	Perunding	Tarikh Lantikan	Catatan
1.	<i>Extension Of Kapit Passenger Terminal Building</i>	Arkitek Gayasari (Arkitek Perunding)	26.06.2000	- Projek ini merupakan sambungan kepada projek Fasa I dan mendapat peruntukan RM1.5 juta untuk menyiapkan skop kerja asal. - Projek adalah untuk tempoh 5.01.2010 hingga 14.01.2011.
		EDS Konsultan Sdn. Bhd. (Jurutera Awam dan Struktur)	13.05.2000	
		PEB Consulting (Juru Ukur)	TM	
		Perunding UZL Bhd. (Jurutera Mekanikal dan Elektrikal)	TM	Arkitek Gayasari telah mencadangkan Jabatan menggunakan perkhidmatan Perunding UZL Bhd.

Bil.	Projek	Perunding	Tarikh Lantikan	Catatan
2.	<i>Pakan Water Supply , Phase II</i>	Jurutera Minsar Consult Sdn. Bhd. (Jurutera Perunding)	16.01.2002	• Memorandum Perjanjian ditandatangani pada 06.11.2002 menetapkan perunding bertanggungjawab sehingga penyeliaan pembinaan projek. • Pembiayaan projek adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. • Mesyuarat bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Malaysia diadakan pada 14.06.2012. • Status sehingga September 2012 adalah di peringkat penyediaan dokumen tender.
3.	<i>Skrang Water Supply</i>	Perunding Muhandis Sdn. Bhd. (Jurutera Perunding)	21.02.2002	• Memorandum Perjanjian ditandatangani pada 09.07.2002 menetapkan perunding bertanggungjawab sehingga penyeliaan pembinaan projek. • Status sehingga bulan September 2012 adalah di peringkat reka bentuk awal.

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: TM - Tiada maklumat diperoleh

- b. **Maklum balas daripada PSKN bertarikh 28 Februari 2013 menyatakan bahawa PSKN akan mengkaji semula prosedur kelulusan yang akan menetapkan tempoh sah laku untuk pelantikan perkhidmatan perunding. Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 menyatakan bahawa perkhidmatan perunding digunakan terlalu lama disebabkan masalah peruntukan atau peruntukan yang dilulus tidak mencukupi bagi melaksanakan projek sepenuhnya. Keutamaan akan diberikan kepada perunding asal yang telah dilantik bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek.**

1.4.2.3. Tatacara Perolehan Kurang Teratur

- a. Agensi pelaksana hendaklah memastikan prosedur kerja serta kawalan dalaman sedia ada dipatuhi untuk mengelak berlakunya kekeliruan atau menimbulkan masalah berkaitan undang-undang jika berlaku *breach of contract*.
- b. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati tiada klausa berkaitan penalti ditetapkan jika perunding gagal mencapai prestasi kerja yang ditetapkan. Semakan Audit seterusnya mendapati JTS dalam Surat Setuju Terima hanya menyatakan jika kerja gagal disiapkan, perunding tidak akan dipertimbangkan untuk kerja perkhidmatan perunding di masa akan datang. Manakala JKR hanya menyatakan dalam Surat Setuju Terima yang prestasi perkhidmatan perunding akan dinilai berdasarkan kualiti kerja, ketepatan masa dan pematuhan kepada terma rujukan

sepanjang tempoh lantikan. Semakan Audit juga mendapati JKR dan JTS kurang memberi perhatian terhadap turutan aliran kerja seperti berikut:

- i. Perkhidmatan perunding diguna sebelum mendapat kelulusan dari PSKN/MOF dan syarat lantikan belum dikeluarkan oleh agensi pelaksana.
 - ii. Kerja telah dijalankan walaupun Surat Setuju Terima belum dikemukakan.
 - iii. Memorandum Perjanjian dan kontrak belum ditandatangani tetapi kerja telah siap.
 - iv. Surat Setuju Terima lebih awal dari Surat Tawaran.
 - v. Perjanjian ditandatangani sebelum Surat Setuju Terima dikemukakan oleh perunding.
- c. Pengurusan perolehan perunding yang tidak selaras dengan turutan aliran kerja adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6

Pengurusan Perolehan Tidak Selaras Dengan Turutan Aliran Kerja

Projek	Catatan
Jabatan Kerja Raya	
Jalan Pujut/Tudan/ Kuala Baram, Miri, Bahagian Miri, Sarawak	• Kerja perunding kejuruteraan awam, ukur tanah dan audit keselamatan jalan telah dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan pelantikan. • Perunding untuk kerja survei diluluskan pada 18.07.2011 dan dilantik pada 09.08.2011. Bagaimanapun, mesyuarat dengan Jabatan telah diadakan mulai 07.04.2011. • Lantikan perunding jurutera diluluskan pada 15.10.2010 dan dilantik pada 09.08.2011. • Mesyuarat dan penyediaan lukisan/pelan serta draf dokumen tender dibuat sejak bulan Ogos 2010. • Perunding untuk audit keselamatan jalan raya diluluskan pada 24.12.2010 dan surat lantikan dikeluarkan pada 09.08.2011 tetapi Laporan <i>Stage 3 (detailed design stage)</i> telah dikemukakan pada 30.08.2010.
Jalan Tun Jugah/ Jalan Song/Upland Interchange, Kuching	• Kerja perunding kejuruteraan awam, ukur tanah dan audit keselamatan jalan telah dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan pelantikan. • Surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 22.09.2010 meminta Jabatan untuk mengemukakan surat tunjuk sebab kerja perunding kejuruteraan awam, ukur tanah dan audit keselamatan jalan telah dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan pelantikan.
Mahkamah Baru, Sarikei	• Kerja perunding telah dilaksanakan sejak tahun 2008 tetapi Perjanjian hanya ditandatangani pada 10.02.2010.
Ferry Ramp, Muara Batang Lupar	• Kerja survei telah siap tetapi sehingga 10.09.2012 JKR memaklumkan dokumen perjanjian belum disediakan.
Jabatan Tanah Dan Survei	
Kerja Survei dan Establish STG Control Points, Jln. Rumah Lanting Ak Uteh To Rh. Bubong, Sg Duih, Tamin, Sibul	• Surat Setuju Terima bertarikh 20.09.2010 manakala kontrak ditandatangani lebih awal iaitu pada 17.09.2010.

Projek	Catatan
Kerja Survei di Sg. Gaat, Area A, Kapit	• Kerja telah mula dijalankan pada 23.02.2011 manakala Surat Tawaran bertarikh 07.03.2011.
STG Control at Sg. Gaat, Kapit	• Kerja telah mula dijalankan pada 28.02.2011 manakala Surat Tawaran bertarikh 09.03.2011.
Kerja Survei di Sg. Gaat, Area B, Kapit	• Surat daripada perunding bertarikh 16.03.2011 menyatakan tidak meneruskan kerja tetapi kontrak telah ditandatangani pada 28.03.2011.
Jalan Petanak, Kuching	• Kerja survei dijalankan pada 19 hingga 26.03.2012 tetapi perjanjian hanya ditandatangani pada 15.05.2012.
Bau Resettlement Scheme Extension	• Surat perunding bertarikh 26.04.2012 memaklumkan kerja telah siap tetapi perjanjian hanya ditandatangani pada 14.05.2012.

Sumber: Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah Dan Survei

- d. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 5 Februari 2013 dan JTS bertarikh 1 Februari 2013 menyatakan bahawa perkara tersebut berlaku disebabkan projek berkenaan perlu dilaksanakan dengan kadar segera, terdapat bantahan daripada penduduk tempatan dan perjanjian kontrak diperlukan untuk membuat bayaran kepada perunding bagi kerja yang telah dilaksanakan.**

1.4.2.4. Pengurusan Pembayaran Kurang Memuaskan

Jabatan hendaklah memastikan peruntukan yang mencukupi telah diluluskan untuk tujuan pembayaran kos yuran, kos imbuhan balik dan cukai yang perlu dijelaskan. Selain itu, Arahan Kewangan menghendaki semua tuntutan dijelaskan dengan segera iaitu tidak melebihi 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Semakan Audit mendapati secara amnya peraturan kewangan telah dipatuhi dan yuran serta imbuhan balik perbelanjaan dibayar selaras dengan kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati perkara berikut:

- Kos yang diluluskan untuk JTS bagi melaksanakan projek *Perimeter Survey of NCR at Long Panai, Sg. Tujuh, Miri* adalah RM211,466. Bagaimanapun, perbelanjaan dibuat berjumlah RM336,175 iaitu RM124,709 melebihi amaun yang diluluskan.
- Semakan Audit terhadap 32 baucar bayaran mendapati 16 atau 50% tuntutan oleh perunding berjumlah RM3.47 juta lewat dijelaskan oleh JKR antara 17 hingga 215 hari.

Pada pendapat Audit, penilaian secara objektif tidak dibuat terhadap semua aspek melibatkan prestasi serta keupayaan perunding manakala tatacara perolehan didapati kurang teratur dan mengambil jangka masa terlalu lama.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan perunding menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya tindakan berikut diambil:

1.5.1. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan agensi pelaksana hendaklah memastikan sistem repositori perunding disenggara dengan lengkap.

1.5.2. Agensi pelaksana hendaklah memastikan perunding memainkan peranan yang ditetapkan dalam kontrak dengan berkesan dan masalah ditangani pada peringkat awal serta projek disiapkan dalam tempoh yang dipersetujui.

1.5.3. Pihak Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah mengkaji semula kaedah perolehan perkhidmatan perunding dengan mengambil kira aspek prestasi serta keupayaan perunding.

1.5.4. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan agensi pelaksana hendaklah meningkatkan penyeliaan dan pemantauan serta memastikan pengurusan perkhidmatan perunding dilaksanakan dengan berkesan bagi mendapat *value for money* untuk setiap perkhidmatan yang diperoleh.

**KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN SARAWAK
JABATAN PERTANIAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

2. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Padi dikategorikan sebagai *food security crop* oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Sarawak telah mensasarkan tahap *self-sufficiency* beras 70% pada akhir tahun 2010 selaras dengan Polisi Pertanian Negara Ke-3 (NAP3). Bagi mencapai matlamat berkenaan, Jabatan Pertanian (Jabatan) telah merangka Program Pembangunan Industri Padi (PPIP) sebagai strategi pembangunan untuk meningkat produktiviti dan pengeluaran padi.

2.1.2. Objektif PPIP di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah untuk mencapai sasaran tahap *self-sufficiency* beras pada 70% melalui pengeluaran padi secara berkelompok serta komersial, meningkat produktiviti padi daripada 2.9 tan metrik sehektar kepada 5.0 tan metrik sehektar pada tahun 2010 dan meningkat pendapatan serta taraf hidup penanam padi. Hala tuju pembangunan industri padi adalah untuk membangun 8 kawasan jelapang padi utama seluas 43,821 hektar. Kawasan ini akan diusahakan oleh sektor swasta secara berskala besar melalui sistem pengurusan berpusat dan berintensifkan jentera. Kawasan jelapang yang telah dikenal pasti adalah Bijat/Stumbin dan Lingga/Banting di Bahagian Sri Aman, Sungai Sebalak di Bahagian Betong, Nanga Merit di Bahagian Kapit, Paloh, Daro dan Pulau Bruit di Bahagian Mukah serta Lembah Limbang di Bahagian Limbang.

2.1.3. Jabatan telah merangka 7 komponen PPIP untuk dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu: Pembangunan Estet Mini Padi (PME); Penambahbaikan Infrastruktur Industri Padi (PIIP); Khidmat Mekanisasi Padi; Pakej Pengeluaran Beras; Pusat Pengeluaran Dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC); Bantuan Baja Padi Bukit serta Khidmat Sokongan Padi. Bagi meningkatkan pengeluaran beras negara di bawah Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) dalam tempoh 2008 hingga 2010, Kerajaan Persekutuan turut membantu PPIP dalam pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur pengairan serta saliran merangkumi perataan tanah sawah, keperluan input pertanian iaitu baja padi bukit dan sawah, racun rumpai dan serangga serta mekanisasi ladang.

2.1.4. Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat dalam pengurusan PPIP adalah seperti di **Jadual 2.1.**

Jadual 2.1**Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat Dalam Pengurusan Program Pembangunan Industri Padi**

Bil.	Kementerian/Jabatan/Agensi	Peranan
1.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA)	Bertanggungjawab untuk menentukan dasar, insentif dan keperluan kewangan di peringkat nasional
2.	Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak	Bertanggungjawab untuk menentukan dasar, insentif dan keperluan kewangan di peringkat negeri
3.	Unit Kawal Selia Padi Dan Beras, MOA di Sarawak	Kawal selia di peringkat negeri
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur serta kemudahan pengaliran dan saliran
5.	Jabatan Pertanian	Pembangunan sawah padi, peningkatan produktiviti dan pengeluaran, bantuan, pembangunan dan penyelidikan serta khidmat nasihat
6.	Institut Pembangunan Penyelidikan Pertanian Malaysia	Pembangunan serta penyelidikan dan pemindahan teknologi
7.	Padiberas Nasional Bhd.	Pemprosesan dan pemasaran

Sumber: Jabatan Pertanian

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program Pembangunan Industri Padi telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi RMKe-9 iaitu bagi tempoh 2006 hingga 2010. Pengauditan ini dilaksanakan di Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (Unit Kawal Selia Padi Dan Beras), Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Institut Pembangunan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod kewangan, perjanjian kontrak, laporan kemajuan, minit mesyuarat, laporan pemantauan serta dokumen yang berkenaan. Lawatan ke tapak projek di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong dan Sarikei serta temu bual dengan pihak yang berkaitan juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan PPIP adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

- Sasaran tahap 70% *self-sufficiency* beras pada akhir RMKe-9 tidak tercapai.

- Pembinaan SPPC Stumbin untuk pengeluaran serta pemprosesan benih padi sah belum siap.
- Pengeluaran biji benih padi sah dan/atau berkualiti oleh pembekal tidak tercapai.
- Reka bentuk projek tidak praktikal.
- Kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi dan kualiti kerja rendah, kelemahan dalam koordinasi dan pemantauan kerja kontraktor serta kerja penyenggaraan tidak dilakukan.
- Pengurusan perolehan dan pembayaran yang tidak mengikut prosedur kewangan.

2.4.1. Prestasi Keseluruhan

2.4.1.1. Pencapaian Kewangan Pada Akhir RMKe-9

Semakan Audit mendapati pada RMKe-9, Jabatan Pertanian (Jabatan) dan Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS) membelanjakan sejumlah RM235.03 juta atau 93.1% daripada peruntukan sejumlah RM252.48 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk PPIP. Jabatan menerima peruntukan sejumlah RM25.95 juta daripada Kerajaan Negeri di mana sejumlah RM9.24 juta adalah untuk bantuan baja dan racun padi bukit dilaksanakan di bawah komponen bantuan baja padi bukit dan khidmat sokongan. Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan sejumlah RM29.30 juta untuk bantuan baja padi bukit di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM). Bantuan ini telah memberi manfaat kepada seramai 62,819 penanam padi bukit. Bagi tempoh yang sama, Jabatan juga menerima bantuan baja dan racun *in-kind* daripada Kerajaan Persekutuan bernilai RM255.26 juta termasuk RM202.85 juta di bawah DJBM untuk penanaman padi sawah. Bantuan tersebut telah memberi manfaat kepada seramai 96,231 pesawah. Prestasi kewangan PPIP pada akhir RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Prestasi Kewangan PPIP Pada Akhir RMKe-9

Bil.	Sumber Kewangan	Agensi	Peruntukan (RM Juta) (A)	Perbelanjaan (RM Juta) (B)	Baki (RM Juta) (A-B)	Peratus Perbelanjaan (%) (B/A*100)
1.	Kerajaan Negeri	Jabatan	25.95	18.36	7.59	70.8
2.	Kerajaan Persekutuan	Jabatan	8.00	7.76	0.24	97.0
3.	Kerajaan Persekutuan (DJBM)	Jabatan	37.16	33.79	3.37	90.9
Jumlah			71.11	59.91	11.20	84.2
1.	Kerajaan Negeri	JPS	56.29	52.48	3.81	93.2
2.	Kerajaan Persekutuan	JPS	24.80	24.54	0.26	99.0
3.	Kerajaan Persekutuan (DJBM)	JPS	100.28	98.10	2.18	97.8
Jumlah			181.37	175.12	6.25	96.6
Jumlah Keseluruhan			252.48	235.03	17.45	93.1

Sumber: Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengaliran Dan Saliran

2.4.1.2. Sasaran PPIP Tidak Tercapai

- a. Jabatan menjangka sasaran tahap *self-sufficiency* beras 70% boleh dicapai melalui pengeluaran beras secara komersial dengan menggabungkan bidang sawah berskala kecil menjadi penanaman secara blok dan estet mini, menambah baik tanah dan infrastruktur, meningkatkan pengeluaran purata sehektar padi sawah daripada 2.9 tan metrik kepada 5.0 tan metrik, meningkat produktiviti padi sawah berskala kecil seluas 59,344 hektar dan produktiviti padi bukit seluas 68,784 hektar serta meningkatkan pendapatan keseluruhan petani berskala kecil melalui aktiviti pertanian luar musim.
- b. Semakan Audit mendapati pencapaian sebenar tahap *self-sufficiency* beras pada akhir tahun 2010 adalah 53.9% iaitu 137,439 tan metrik daripada penggunaan sebenar 255,190 tan metrik beras berbanding dengan sasaran negeri 70%. Pada akhir tahun 2010, jumlah keluasan kawasan tanaman padi adalah 121,921 hektar atau 95.2% daripada 128,128 hektar yang disasarkan iaitu 60,964 hektar padi sawah dan 60,957 hektar padi bukit. Purata hasil padi sawah sehektar adalah 3.0 tan metrik berbanding dengan sasaran 5.0 tan metrik dan purata hasil padi bukit sehektar adalah 0.7 tan metrik berbanding dengan sasaran 1.0 tan metrik. Prestasi pelaksanaan PPIP pada akhir RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Prestasi Pelaksanaan PPIP Pada Akhir RMKe-9

Bidang Disasarkan	Sasaran RMKe-9	Pencapaian RMKe-9	Catatan
Tahap <i>self-sufficiency</i> beras:	70% atau 175,000 tan metrik daripada anggaran penggunaan negeri 250,000 tan metrik beras	53.9% atau 137,439 tan metrik daripada penggunaan sebenar 255,190 tan metrik beras	Tidak tercapai
Keluasan Kawasan Penanaman Padi Sawah	59,344 hektar	60,964 hektar atau 102.7%	Tercapai
Keluasan Kawasan Penanaman Padi Bukit	68,784 hektar	60,957 hektar atau 88.6%	Tidak tercapai
Pengeluaran Purata Padi Sawah Sehektar	5.0 tan metrik	3.0 tan metrik atau 60.0%	Tidak tercapai
Pengeluaran Purata Padi Bukit Sehektar	1.0 tan metrik	0.7 tan metrik atau 70.0%	Tidak tercapai

Sumber: Jabatan Pertanian

- c. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 23 Julai 2013 menyatakan:**

- i. **Tahap *Self-sufficiency* Beras**

Tahap *self-sufficiency* beras tidak tercapai oleh kerana kekurangan peruntukan (hanya 30% sahaja yang diterima) untuk tujuan pembangunan infrastruktur ladang dan kemudahan pengairan dan saliran, pembangunan baru kawasan estet mini padi dan kawasan jelapang padi serta khidmat mekanisasi padi. Bagi pembangunan kawasan jelapang padi, cuma 3,073

hektar daripada keseluruhan kawasan berpotensi (43,821 hektar) yang telah siap dibangunkan dengan infrastruktur pengairan dan saliran. Selain daripada itu, kebanyakan daripada padi yang ditanam adalah padi tradisional dan pengurusan sawah masih juga secara tradisional. Penanaman padi varieti moden tidak dapat dilakukan sebab kekurangan infrastruktur pengairan dan saliran dan juga ketiadaan bekalan benih padi sah di negeri ini.

ii. Keluasan Kawasan Penanaman Padi Bukit

Penurunan keluasan padi bukit adalah disebabkan persaingan kegunaan tanah untuk tanaman lain yang lebih memberi keuntungan yang lebih seperti getah dan kelapa sawit. Di samping itu tiada kawasan baru yang subur diterokai. Kawasan sedia ada akan dikekalkan untuk beberapa tahun yang akan datang untuk pemulihan kesuburan tanah berasaskan sistem *fallow period*.

iii. Pengeluaran Purata Padi Sawah Sehektar

Produktiviti padi sawah sehektar tidak mungkin tercapai jika;

- Kelengkapan infrastruktur dan sistem pengairan dan saliran tidak dibangunkan sepenuhnya.
- Varieti moden yang berhasil tinggi tidak dapat ditanam disebabkan kelengkapan infrastruktur dan sistem pengairan dan saliran tidak dibangunkan sepenuhnya.
- Pakej teknologi padi tidak digunapakai oleh kebanyakan pesawah.

iv. Pengeluaran Purata Padi Bukit Sehektar

Setakat ini, belum terdapat varieti padi bukit yang dapat menghasilkan lebih daripada satu metrik tan sehektar. Begitu juga tiada teknologi baru yang telah dihasilkan.

- d. Pada tahun 2010, sebanyak 117,751 tan metrik beras diimport untuk menampung keperluan 255,190 tan metrik. Tahap *self-sufficiency* beras bagi negeri Sarawak bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Tahap Self-sufficiency Beras Negeri Sarawak Bagi Tempoh 2006 Hingga 2010

Tahun	Beras			Tahap Self-sufficiency Beras (%) (D)=[A/C] *100
	Tempatan (Tan Metrik) (A)	Import (Tan Metrik) (B)	Jumlah (Tan Metrik) (C)=(A) + (B)	
2006	146,329	124,939	271,268	53.9
2007	124,544	111,214	235,758	52.8
2008	125,947	165,615	291,562	43.2
2009	111,208	159,498	270,706	41.1
2010	137,439	117,751	255,190	53.9

Sumber: Jabatan Pertanian

- e. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod Jabatan mendapati antara sebab utama pengeluaran padi sawah masih rendah adalah kerana penanaman berbagai varieti tempatan, tiada benih padi sah, pengurusan tanaman padi secara tradisional, kekurangan infrastruktur iaitu pengurusan air yang kurang efisien di sawah padi bagi penanaman padi 2 musim setahun dan penggunaan jentera ladang yang minima kerana keadaan kawasan sawah yang tidak rata. Menurut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *National Key Economic Areas* (NKEA) ke-5 pada bulan Februari 2011, pengimportan benih padi sah dari Semenanjung Malaysia bukanlah suatu pendekatan yang praktikal untuk menangani masalah ketiadaan bekalan benih padi sah di negeri ini. Dari aspek kawalan penyakit padi, pada masa ini negeri Sarawak bebas daripada penyakit padi angin dan penyakit merah (Tungro Disease) seperti dialami di Semenanjung Malaysia. Bagi padi bukit, kesuburan tanah yang sangat rendah, kekurangan baja, tiada benih padi sah dan serangan oleh serangga atau binatang perosak serta penyakit merupakan faktor utama yang menyebabkan produktiviti rendah. Pengeluaran padi daripada 8 jelapang padi utama seluas 43,821 hektar belum tercapai kerana hanya 3,073 hektar atau 7.0% telah siap dibangunkan dengan infrastruktur pengairan dan saliran. Ini menyebabkan 8 kawasan jelapang padi tersebut belum diwartakan dan penanaman padi secara estet berskala besar belum dapat diusahakan.
- f. Semakan Audit juga mendapati hanya 4 daripada 7 komponen PPIP telah dilaksanakan manakala 3 komponen iaitu Pembangunan Mini Estet Padi, Khidmat Mekanisasi Padi dan Pakej Pengeluaran Beras tidak dilaksanakan. Jumlah anggaran keperluan Jabatan di bawah RMKe-9 adalah RM113.00 juta tetapi jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah RM33.95 juta atau 30.0% sahaja. Manakala jumlah anggaran keperluan JPS di bawah RMKe-9 adalah RM254.84 juta tetapi jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah RM81.09 juta atau 31.8% sahaja. Di bawah DJBM, Jabatan dan JPS telah menerima peruntukan sejumlah RM137.44 juta untuk melaksanakan komponen Pembangunan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran, Bantuan Baja Padi Bukit dan Mekanisasi Ladang. Pihak Audit mendapati peruntukan yang dilulus dan diterima serta pecahan perbelanjaan sebenar mengikut komponen tidak dapat dikenal pasti sepenuhnya kerana rekod kewangan bagi setiap komponen tidak

diselenggara dengan lengkap oleh Bahagian Tanaman sebagai pemilik projek. Prestasi pelaksanaan komponen PPIP pada akhir tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Prestasi Pelaksanaan Komponen PPIP Pada Akhir RMKe-9

Bil.	Komponen/Sasaran RMKe-9	Pencapaian RMKe-9
1.	Pembangunan Estet Mini Padi Membangun kawasan seluas 1,500 hektar Peruntukan Negeri Dimohon: RM39.0 juta Peruntukan Dilulus: RM0.34 juta	Tiada kawasan PME baru dibangunkan pada RMKe-9 kerana peruntukan yang diluluskan pada tahun 2009 dan 2010 sejumlah RM0.34 juta diguna untuk meneruskan kerja pengukuhan tanah di Estet Mini Padi Sungai Tekap, Bintangor di Bahagian Sarikei yang dibangunkan pada RMKe-8
2.	Penambahbaikan Infrastruktur Industri Padi Jabatan Pertanian: Kawasan seluas 2,500 hektar Peruntukan Persekutuan Dimohon: RM21.0 juta Peruntukan Dilulus: RM4.10 juta Jabatan Pengairan Dan Saliran: Pembangunan 11 projek infrastruktur padi di bawah DJBM seluas 7,800 hektar dengan kos sejumlah RM100.28 juta.	21 projek seluas 1,133 hektar telah siap dengan perbelanjaan sejumlah RM6.74 juta. Satu projek bernilai RM0.70 juta seluas 100 hektar dibatalkan kerana tanah yang diluluskan telah kemudiannya dipajak oleh Kerajaan Negeri kepada Dataran Danum Sdn. Bhd. 9 projek siap, satu projek menunggu Sijil Perakuan Kerja Siap dan Projek Pulau Bruit lewat jadual. Setakat bulan Disember 2012, projek ini masih belum siap. Antara kelemahan pelaksanaan adalah koordinasi dan perancangan, reka bentuk tidak praktikal, tiada penyenggaraan serta struktur gabion runtuh. Jumlah perbelanjaan adalah RM93.53 juta
3.	Khidmat Mekanisasi Padi Memberi perkhidmatan kejenteraan ladang di 6 kawasan sawah padi seluas 690 hektar Penambahbaikan Tanah Padi. Peruntukan Persekutuan Dimohon: RM15.0 juta Peruntukan Diluluskan: Tiada maklumat Peruntukan diterima di bawah DJBM adalah RM7.43 juta untuk: • Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang adalah RM5.65 juta • Membina 3 Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang (PPKL) sejumlah RM1.05 juta • Membina bangunan stor di 72 Pusat Gunasama Kejenteraan (PGK) untuk menempatkan 754 jentera dan peralatan ladang untuk manfaat 4,990 petani sejumlah RM0.73 juta	Tiada perkhidmatan mekanisasi ladang diberi kepada petani pada RMKe-9 kerana anggaran peruntukan sejumlah RM2.0 juta tidak dimohon daripada Kerajaan Persekutuan Jumlah perbelanjaan adalah RM4.77 juta Tidak siap pada RMKe-9 Kerja pembinaan 2 PPKL iaitu di Stumbin, Sri Aman dan Daro, Mukah bermula bulan November 2012 dan dijangka siap bulan September 2013 Siap membina 61 PGK dengan perbelanjaan RM0.72 juta. 11 PGK tidak dibina.
4.	Pakej Pengeluaran Beras Penanaman padi bermutu daripada varieti tradisional seluas 1,000 hektar untuk pengeluaran beras eksotik Peruntukan Persekutuan Dimohon: RM7.0 juta Peruntukan Dilulus: Tiada	Tidak dilaksanakan kerana tiada peruntukan
5.	Pusat Pengeluaran Dan Pemprosesan Benih Padi Pembinaan dan penyiapan SPPC untuk mengeluarkan 1,550 hingga 2,300 tan metrik benih padi sah (<i>certified paddy seed</i>) setahun dengan kawasan seluas 72,000 hektar di Sarawak dan memanfaatkan 94,325 petani Peruntukan Negeri Dimohon: RM10.0 juta Peruntukan Dilulus: RM10.0 juta	SPPC tidak siap dibina pada akhir RMKe-9 kerana pembinaan kompleks telah diambil alih oleh MOA mulai tahun 2009 dan MOA telah meminda skop kompleks berdasarkan semakan semula kos sejumlah RM13.66 juta. Jumlah perbelanjaan adalah RM4.28 juta

Bil.	Komponen/Sasaran RMKe-9	Pencapaian RMKe-9
6.	Bantuan Baja Padi Bukit Pembekalan 400,000 beg baja Ammofos Peruntukan Negeri Dimohon: RM15.0 juta Peruntukan Dilulus: RM6.0 juta Peruntukan Diterima Di Bawah DJBM: RM29.30 juta	- Pembekalan 474,746 beg baja Ammofos pada RMKe-9 bernilai RM33.98 juta termasuk 358,800 beg bernilai RM29.30 juta di bawah DJBM - Pembekalan dan penghantaran 95,708 beg baja Ammofos tahun 2009 hingga 2010 lewat antara 44 hingga 249 hari dari tarikh ditetapkan
7.	Khidmat Sokongan Padi - Pembekalan dan penghantaran 51,867 botol (4 liter/sebotol) racun rumpai (paraquat dichloride) bernilai RM1.51 juta pada tahun 2009 - Pembekalan dan penghantaran 53,917 botol racun rumpai (paraquat dichloride) bernilai RM1.06 juta pada tahun 2010 - Pembekalan dan penghantaran 120,485 botol racun serangga bernilai RM2.18 juta pada tahun 2010 ke Pertanian Daerah/Stesen Peruntukan Persekutuan Dimohon: RM6.0 juta Peruntukan Dilulus: Tiada maklumat	51,867 botol (4 liter/sebotol) racun rumpai bernilai RM1.51 juta telah dibekal tetapi pembayaran kepada pembekal tidak dapat dilakukan kerana proses perolehan tidak teratur. Peruntukan RM1.51 juta tidak dapat dibelanjakan - Berdasarkan sampel Audit tiada bukti racun rumpai sebanyak 8,634 botol bernilai RM169,487 dibekalkan ke 9 Jabatan Pertanian Daerah/Stesen bagi tahun 2010. Lembaga Penyiasatan telah ditubuhkan pada bulan Februari 2013 - Kelewatan pembekalan dan penghantaran 37,125 botol racun serangga antara 80 hingga 84 hari oleh pembekal. Racun tidak dapat diguna pada peringkat penanaman yang sepatutnya

Sumber: Jabatan Pertanian Dan Jabatan Pengairan Dan Saliran

2.4.1.3. Pengeluaran Biji Benih Padi Sah Dan Berkualiti Tidak Tercapai

Objektif utama Pengeluaran Biji Benih Padi adalah untuk memudahkan pengeluaran biji benih padi sah bagi pembangunan industri padi di Sarawak. Ciri-ciri benih padi sah adalah jenis atau varieti tulen (kualiti genetik serupa), kadar percambahan tinggi, bebas daripada biji benih spesies lain, bebas daripada biji rumpai dan bebas daripada penyakit pembawaan benih. Penggunaan benih padi sah menjamin keseragaman prestasi tanaman iaitu hasil tuaian yang baik, ketahanan kepada serangan penyakit atau binatang perosak dan ketinggian serta kematangan tanaman seragam bagi memudahkan penggunaan jentera penuaian. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan merancang untuk membangunkan 50 hektar ladang benih padi dilengkapi dengan infrastruktur perparitan dan saliran untuk pengeluaran stok baka, benih asas serta benih padi berdaftar; membina kompleks pemprosesan biji benih seluas 4 hektar; dan meningkatkan pengeluaran biji benih padi sah melalui perladangan kontrak. Sasaran projek pembinaan SPPC adalah untuk mengeluarkan biji benih padi sah bagi menampung keperluan industri padi 1,550 hingga 2,300 tan metrik setahun dengan kawasan seluas 72,000 hektar di Sarawak dan memanfaatkan 94,325 pesawah padi pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati:

a. Projek Pembinaan Pusat Pengeluaran Dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC) Belum Siap Pada Akhir RMKe-9

- i. Kerja perolehan tapak dan survei untuk SPPC Stumbin Bahagian Sri Aman seluas 166 hektar telah dilaksanakan pada RMKe-8 dengan perbelanjaan sejumlah RM2.68 juta. Pada RMKe-9, Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah

meluluskan peruntukan sejumlah RM30 juta. Daripada peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM10 juta, RM4.28 juta telah dibelanjakan oleh JPS dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam tempoh 2006 hingga 2009 untuk pembinaan infrastruktur ladang dan pembersihan serta penambakan tapak untuk kompleks SPPC Stumbin. Pada akhir RMKe-9, seluas 58.3 hektar daripada 166 hektar telah siap dibangun dengan perparitan asas dan kemudahan infrastruktur untuk ladang benih padi. Baki 107.7 hektar dirancang untuk dibangunkan dalam tempoh 2009 hingga 2010 tidak dilaksanakan walaupun masih terdapat baki peruntukan di bawah RMKe-9 sejumlah RM5.72 juta. Mulai tahun 2009, MOA bersetuju untuk mengambil alih segala urusan berhubung kerja pembinaan serta penyiapan pusat tersebut. Sehingga akhir tahun 2010, tiada perbelanjaan dibuat daripada peruntukan Persekutuan sejumlah RM20 juta di bawah DJBM.

- ii. Tapak kompleks SPPC seluas 4 hektar telah diluluskan oleh Majlis Perancang Negeri (MPN) pada bulan Januari 2010. Kelulusan ini hanya sah untuk 24 bulan mulai bulan Januari 2010. Bagaimanapun, kerja pembinaan dan penyiapan kompleks SPPC masih tidak dapat dilaksanakan oleh MOA pada akhir RMKe-9. Ini disebabkan MOA telah meminda skop kompleks berdasarkan semakan semula kos sejumlah RM13.66 juta. Kelewatan dalam menyiapkan SPPC menyebabkan petani di Sarawak tidak dapat mengguna biji benih padi sah dan berkualiti. Selain itu, penanaman berbagai varieti tempatan secara meluas menyebabkan produktiviti sawah padi rendah serta tahap *self-sufficiency* beras 70% yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tidak tercapai. Lawatan Audit ke tapak SPPC pada bulan September 2012 mendapati kerja pembinaan kompleks belum bermula. Tapak kompleks SPPC Stumbin adalah seperti di **Gambar 2.1**.



Gambar 2.1
Tapak Kompleks SPPC Stumbin

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1396, Blok 10, Daerah Tanah Bijat,
Stumbin, Sri Aman
Tarikh: 25 September 2012

- iii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 10 Januari 2013 menyatakan tapak SPPC telah diserahkan kepada kontraktor pada 10 Ogos 2012. Kerja pembinaan telah bermula pada bulan Oktober 2012 dengan peruntukan Persekutuan sejumlah RM10 juta pada RMKe-10. Harga kontrak adalah RM9.82 juta untuk tempoh 18 bulan mulai 10 Ogos 2012 hingga 10 Februari 2014.**

b. Pengeluaran Biji Benih Padi Sah Dan/Atau Berkualiti Oleh Pembekal Tidak Tercapai

- i. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan Asia Green Holding Sdn. Bhd. (AGHSB) pada bulan November 2008 untuk mengeluarkan biji benih padi sah dan/atau berkualiti bagi tempoh 5 tahun mulai bulan November 2009 hingga November 2013 sebagai langkah untuk mempercepatkan pengeluaran dan pemprosesan biji benih padi sah. Mengikut MoU yang ditandatangani pada bulan November 2008, satu Perjanjian hendaklah disediakan dalam tempoh 2 tahun. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan MoU batal dan tidak sah dengan sendirinya. MoU tersebut juga menetapkan bahawa Kerajaan Negeri akan membeli balik biji benih yang sama daripada AGHSB pada harga yang telah dipersetujui. Mengikut MoU tersebut, AGHSB dibenarkan mengguna 166 hektar tanah SPPC untuk pengeluaran biji benih padi berkualiti varieti komersial dan 4 hektar tanah di Stesen Pemeriksaan Padi di Stumbin untuk pengeluaran biji benih padi berkualiti varieti tradisional.
- ii. Pada akhir tahun 2009, AGHSB hanya mengusahakan 28.08 hektar tanah dengan tanaman padi. Ini disebabkan masih terdapat banyak tunggul pokok serta kayu di kawasan tersebut, tiada perataan tanah dilakukan, reka bentuk pembetung tidak praktikal, tapak sering dilanda banjir dan becak. Sistem pengairan dan saliran utama juga tersumbat dan tidak disenggara oleh JPS. Kerja awal di SPPC hanya melibatkan pembangunan dan penyediaan kemudahan pengairan serta saliran sahaja dan tidak termasuk pembangunan ladang. Ini mengakibatkan pengeluaran biji benih padi oleh AGHSB tidak memuaskan dan hanya mampu membekal 5.2 tan metrik biji benih padi berkualiti yang ditanam pada tahun 2010 untuk stesen Jabatan di Pantu, Sri Aman dan Serian berbanding dengan keperluan Jabatan 1,262.5 tan metrik biji benih untuk kegunaan musim penanaman 2011. Setakat akhir 2012, perjanjian tidak disediakan dan perkara ini menyebabkan tiada tindakan undang-undang dapat dikenakan terhadap AGHSB. Pada bulan September 2012, AGHSB masih mengusahakan 2 hektar ladang benih padi di SPPC walaupun MoU telah terbatal dan tidak sah.
- iii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan Jabatan tidak lagi mempelawa AGHSB membekal biji benih padi kerana kualiti biji benih padi yang dibekalkan adalah tidak memuaskan dan tiada penggantian biji benih dapat dilakukan oleh syarikat berkenaan. Sasaran keperluan tahunan Jabatan tidak tercapai kerana infrastruktur tertier ladang benih padi belum selesai dan lengkap dengan kemudahan untuk membolehkan pengeluaran biji benih padi secara optimum; peruntukan atau bantuan terhad untuk perolehan biji benih padi sah; kilang pemprosesan biji benih padi belum dibina dan tahap adaptasi penggunaan biji benih padi sah oleh pesawah masih rendah. Sehubungan itu, Jabatan**

tidak menetapkan kuota untuk pengeluaran biji benih padi sah mengikut sasaran keperluan tahunan Jabatan kepada AGHSB maka isu penalti terhadap kegagalan pembekalan 1,262.5 tan metrik biji benih tidak timbul.

2.4.1.4. Penambahbaikan Infrastruktur Industri Padi (PIIP) Kurang Memuaskan

- a. Tujuan komponen ini adalah untuk menambahbaik infrastruktur ladang dalam kawasan padi sawah secara tetap sama ada di dalam atau di luar Skim JPS yang sedia ada. Ini bagi meningkatkan pengeluaran padi dengan menambah baik pengurusan air, penggunaan mekanisasi ladang lebih meluas dan operasi ladang yang lebih teratur. Skop kerja bagi penambahbaikan infrastruktur industri padi termasuk kerja survei serta reka bentuk, pembaikan tanah, pembinaan sistem pengairan serta saliran, jalan ladang, jambatan dan pembetulan dan anggaran kos sehektar adalah RM7,000.
- b. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2010, seluas 4,602 hektar atau 7.5% daripada 60,964 hektar kawasan penanaman padi sawah di Sarawak telah dilengkapi sepenuhnya dengan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran, seluas 408 hektar atau 0.7% dilengkapi separa dengan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran manakala baki 55,954 hektar atau 85.5% tidak mempunyai kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran yang sempurna. Kekurangan infrastruktur merupakan antara sebab pengeluaran padi masih rendah dan penanaman padi 2 musim setahun tidak dapat dilaksanakan. **Maklum balas daripada MOMA bertarikh 10 Mei 2013 menyatakan berdasarkan kajian pilot yang dibuat oleh BERNAS pada tahun 2011, kos untuk membina kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran bagi satu hektar kawasan sawah padi di Sarawak ialah purata RM80,000. Oleh yang demikian kos yang diperlukan untuk melengkapi kawasan 55,954 hektar sawah padi ialah RM4.48 bilion. Di bawah RMKe-10, peruntukan diberi kepada MOMA adalah terhad. Oleh yang demikian, MOMA hanya memberi tumpuan kepada kawasan penanaman padi yang besar iaitu Bario (200 hektar), Batang Lupar (5,100) hektar dan Sungai Sebalak (3,500 hektar). Manakala bagi kawasan 55,954 hektar adalah berselerak di seluruh Bahagian di Sarawak dan bersaiz kecil. Kawasan ini hanya digunakan untuk tanaman padi secara tradisional dan kecilan oleh penduduk kampung. Kawasan ini tidak ekonomikal untuk dibangunkan secara komersial. Oleh kerana faktor itu, dalam RMKe-10 MOMA tidak mempunyai perancangan untuk membangun kawasan berkenaan kerana kekangan peruntukan. Memandangkan MOMA pada masa ini belum ada rancangan untuk membangun infrastruktur bagi kawasan berkenaan maka kajian bagi keperluan tenaga kerja juga belum dilaksanakan. Oleh yang demikian, MOMA tidak mempunyai maklumat berapa tenaga kerja diperlukan.**
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati pada RMKe-9, Jabatan menerima peruntukan sejumlah RM7.93 juta dan sejumlah RM6.74 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan 22 projek PIIP. Sehingga akhir RMKe-9, 21 daripada 22 projek

tersebut telah siap dilaksanakan manakala Projek PIIP Sungai Liam, Miri bernilai RM0.70 juta seluas 100 hektar telah dibatalkan. Kelemahan pelaksanaan projek PIIP yang telah siap dilaksanakan oleh Jabatan adalah seperti di **Jadual 2.6** hingga **Jadual 2.9**.

Jadual 2.6

Kelemahan Pelaksanaan Projek PIIP Oleh Jabatan Pertanian

Projek PIIP	Kelemahan
Sungai Tunoh, Kapit Kos Projek: RM0.29 juta Skop Kerja: Pembinaan parit utama, pintu air, pembersihan serta perataan tanah dan pembinaan parit serta ban Keluasan: 45 hektar Tarikh Mula: 03.05.2010 Tarikh Siap: 27.07.2011 Status: Projek Siap	Tidak Mengikut Spesifikasi Kontraktor gagal melaksanakan pembinaan <i>Control Drop A</i> pada kedudukan sebenar mengikut spesifikasi ditetapkan seperti di Gambar 2.2 . Tali air sepatutnya dilencongkan dari Sungai Beluse ke tali air baru yang melintasi <i>Control Drop A</i> tidak dibuat. Ini menyebabkan aliran air sungai tidak dapat masuk ke kawasan yang sepatutnya. Bagaimanapun, Surat Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Bahagian Kapit pada bulan Oktober 2011. Tindakan untuk membaiki <i>Control Drop A</i> belum dilakukan

Sumber: Jabatan Pertanian



Gambar 2.2
Kedudukan *Control Drop A* Kurang Berkesan

Sumber: Jabatan Pertanian, Kapit
 Lokasi: Sungai Tunoh, Kapit
 Tarikh: 25 Januari 2013

- d. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013** menyatakan Perakuan Kerja Siap dikeluarkan untuk skop kerja pembersihan kawasan dan kerja merata tanah sawah, pembinaan parit dan ban serta pembinaan *Control Drop B* dan dibayar sepenuhnya. Jabatan hanya menahan bayaran untuk *Control Drop A* sejumlah RM7,000 dan Wang Tahanan sejumlah RM3,000. Berikutan kesilapan yang dilakukan oleh kontraktor, Jabatan akan menawarkan kerja bernilai RM10,000 tersebut kepada JKKK Sawah Padi Sungai Tunoh untuk membaiki *Control Drop A* dan kerja dijangka siap sebelum musim penanaman utama padi 2013/2014. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 23 Julai 2013** menyatakan kerja membaiki *Control Drop A* sudah siap dilaksanakan pada 31 Mei 2013.

Jadual 2.7

Kelemahan Pelaksanaan Projek PIIP Oleh Jabatan Pertanian

Projek PIIP	Kelemahan
Sungai Liam, Miri Kos Projek: RM0.70 juta Skop Kerja: Kerja menebas, membersihkan, membekal batu kelikir, membina pagar keselamatan dan kerja am Keluasan: 100 hektar Status: Projek Batal	Koordinasi Dan Perancangan Projek dibatal kerana tapak empangan telah dipajak oleh Kerajaan Negeri kepada Dataran Danum Sdn Bhd. pada awal tahun 2009. Akibatnya, projek pembinaan infrastruktur Sungai Liam tidak dapat diteruskan maka perbelanjaan sejumlah RM0.11 juta yang dibayar kepada 2 kontraktor terlibat merupakan satu pembaziran. Empangan sedia ada dibina pada tahun 2003 dengan kos RM0.29 juta tidak dapat dimanfaatkan untuk pengairan seperti di Gambar 2.3

Sumber: Jabatan Pertanian



Gambar 2.3
Empangan Sungai Liam Bernilai RM0.29
Juta Tidak Dapat Dimanfaatkan

Sumber: Jabatan Pertanian, Miri
Lokasi: Sungai Liam, Miri
Tarikh: 25 Januari 2013

- e. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan empangan masih boleh digunakan untuk pengairan tetapi disebabkan ianya terletak di kawasan Dataran Danum Sdn. Bhd. maka Jabatan tidak dibenarkan untuk mengguna empangan tersebut untuk tujuan pengairan ke sawah. Pemilik empangan sekarang adalah Dataran Danum Sdn. Bhd. Empangan baru tidak akan dibina kerana tiada lagi punca air untuk pengairan. Penutupan empangan tersebut menyebabkan 40 petani dari Rumah Aji, Sungai Liam hanya boleh menanam padi sekali setahun kerana terpaksa bergantung kepada sumber air hujan. Kontrak ditamatkan oleh PPK Subis atas persetujuan dan keputusan Jawatankuasa Teknikal Projek tersebut.**

Jadual 2.8

Kelemahan Pelaksanaan Projek PIIP Oleh Jabatan Pertanian

Projek PIIP	Kelemahan
Kampung Sedaing, Lundu Kos Projek: RM0.25 juta Skop Kerja: Pembekalan buruh, bahan, peralatan, kelengkapan dan pengangkutan yang diperlukan bagi skim pengaliran Keluasan: 38 hektar Tarikh Mula: 15.05.2007 Tarikh Siap: 29.11.2007 Status: Projek Siap	Kelemahan Dalam Pemantauan Kerja Oleh Jabatan Skop kerja sebenar dilaksanakan oleh kontraktor tidak dapat ditentukan kerana terdapat percanggahan skop kerja asal dan kerja sebenar. Ini disebabkan tiada bukti kelulusan perubahan kerja oleh pihak JPS atau Jabatan.

Sumber: Jabatan Pertanian

- f. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 4 April 2013** menyatakan JPS telah menubuhkan Lembaga Penyiasatan untuk menyiasat perkara ini dan mendapati:
- i. Kontraktor telah melaksanakan tanggungjawab sebutharga dengan menyiapkan kerja seperti dalam skop asal kecuali kerja pembinaan *concrete slab* yang telah digugurkan. Kerja tambahan yang diarahkan Jurutera juga telah dilaksanakan. Perubahan kerja yang dilakukan tidak melibatkan sebarang kos tambahan atau pengurangan kos memandangkan kerja tambahan yang dilakukan adalah melebihi kos asal sebutharga.
 - ii. Kelulusan bagi pertukaran kerja secara amnya telah diluluskan oleh Jabatan Pertanian Kuching tetapi JPS Bahagian Kuching Dan Samarahan gagal memberi ulasan secara bertulis mengenai kos dan jumlah kerja yang perlu dilaksanakan bagi menggantikan kerja yang telah digugurkan.
 - iii. Banyak kesilapan dalam invois tuntutan bayaran kedua di mana kerja sebenar dilaksanakan di tapak tidak dimasukkan dalam invois berkenaan.
 - iv. Rumusan Lembaga Penyiasatan:
 - Pengurusan surat-menyurat kontrak bagi projek ini tidak didokumentasikan menyebabkan keputusan penting dalam kontrak ini seperti perubahan kerja dan permohonan lanjutan masa tidak dapat ditentukan.
 - Semua pihak yang terlibat dalam projek ini hendaklah menyemak dengan teliti invois yang dikemukakan sebelum memperakukan untuk pembayaran.
 - Surat pemberian kuasa hendaklah diberi kepada semua pihak yang terlibat dalam projek ini.

Jadual 2.9

Kelemahan Pelaksanaan Projek PIIP Oleh Jabatan Pertanian

Projek PIIP	Kelemahan
a. Rumah Panjang Kandis, Pantu, Sri Aman Kos Projek: RM0.12 juta Skop Kerja: Kerja am, kerja untuk perimeter ban serta longkang dan pembinaan 5 <i>check gate</i> konkrit bertetulang Keluasan: 20 hektar Tarikh Mula: 20.02.2009 Tarikh Siap: 11.09.2009 Status: Projek Siap	Penyenggaraan Tidak Dilakukan <i>Lock gate</i> bagi Projek PIIP Rumah Panjang Kandis tidak berfungsi kerana Jabatan tidak mempunyai peruntukan untuk kerja penyenggaraan. Akibatnya, petani bergantung sepenuhnya kepada air hujan dan tidak lagi kepada sistem pengairan yang direka bentuk oleh JPS seperti di Gambar 2.4

Projek PIIP	Kelemahan
b. Rumah Panjang Punggu, Pantu, Sri Aman Kos Projek: RM0.18 juta Skop kerja: Kerja am, pembinaan perimeter ban serta longkang dan pembinaan <i>check gate</i> konkrit bertetulang Keluasan: 30 hektar Tarikh Mula: 02.02.2009 Tarikh Siap: 15.08.2009 Status: Projek Siap	Pembayaran Belum Dibuat Sepenuhnya Walaupun Kerja Telah Siap Kontraktor bagi 2 projek ini tidak dibayar sepenuhnya walaupun kerja telah siap kerana peruntukan digunakan oleh PPK Pantu untuk tujuan lain. Ini menyebabkan bayaran terpaksa dibuat secara ansuran. Setakat bulan September 2012, baki sejumlah RM0.11 juta belum dijelaskan

Sumber: Jabatan Pertanian

Gambar 2.4
Lock Gate Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Rumah Panjang Kandis, Pantu
 Tarikh: 24 September 2012

- g. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 10 Januari 2013 menyatakan tiada peruntukan untuk kerja membaikpulih dan penyenggaraan. Kerja penyenggaraan sepatutnya dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Kampung. Peruntukan untuk kerja penyenggaraan telah dimohon di bawah Kajian Separuh Penggal. PPK Pantu akan menjelaskan baki bayaran RM0.11 juta pada suku pertama tahun 2013.**

2.4.1.5. Pembangunan Infrastruktur Padi Oleh JPS Kurang Memuaskan

- a. Pada RMKe-9, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM100.28 juta di bawah program DJBM untuk pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran merangkumi aspek pembangunan sumber air baru di kawasan jelapang dan di luar jelapang seperti pembinaan kolam takungan air, telaga tiub, penggunaan semula air dan pembelian pam air. JPS telah membelanjakan sejumlah RM93.53 juta untuk meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dengan membina rangkaian jalan ladang baru dan pengawalan banjir di kawasan pertanian dengan pembinaan ban penghalang banjir di kawasan jelapang serta di luar jelapang. Pada RMKe-9 di bawah program DJBM untuk pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran, kesemua 11

projek adalah dilaksanakan secara tawaran terbuka. Kesemua projek tersebut dirancang untuk pelaksanaan bagi tempoh 2008 hingga 2010.

- b. Semakan Audit mendapati di bawah DJBM sebanyak 11 projek pembangunan infrastruktur kawasan padi seluas 7,800 hektar telah dilaksanakan melibatkan kos sejumlah RM103.88 juta. Pada akhir RMKe-9, sebanyak 9 projek telah siap, 1 projek menunggu Sijil Perakuan Kerja Siap dan 1 projek merupakan projek lewat jadual iaitu projek Pulau Bruit di Bahagian Mukah. Kelemahan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur padi di bawah DJBM oleh JPS adalah seperti di **Jadual 2.10** hingga **Jadual 2.12**.

Jadual 2.10

Kelemahan Pelaksanaan Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di Bawah DJBM Oleh JPS

Projek	Kelemahan
Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di SPPC, Stumbin Di Bawah DJBM Kos Projek: RM5.68 juta Skop Kerja: Kerja pembersihan tapak, perataan tanah, ban perimeter serta sekunder, terusan, parit kotak lencongan, pembetulan, pintu air, jalan ladang dan jambatan belian. Keluasan: 110 hektar Tarikh Mula: 09.09.2009 Tarikh Siap: 21.10.2010 Status: Projek Siap	Koordinasi dan Perancangan Jalan ladang di Blok D1 digunakan sebagai tempat transit sebelum balak dipindahkan seperti di Gambar 2.5. Aktiviti pembalakan menyebabkan sumber air dalam kawasan projek penanaman padi berkurangan
	Reka Bentuk Tidak Praktikal Reka bentuk pintu pengaliran masuk air ke sistem pengaliran sekunder tidak praktikal. Aras masuk air berkedudukan tinggi menyebabkan air daripada sistem pengaliran utama tidak dapat mengalir secara graviti. Akibatnya, fungsi pengaliran perparitan sekunder tidak tercapai seperti di Gambar 2.6
	Struktur pengaliran sekunder runtuh dianggap sepanjang 100 meter disebabkan topan (<i>trusses</i>) tidak dibina bagi menampung beban sisi kesan daripada beban hidup (<i>live load</i>) dari kenderaan di jalan berhampiran. Kenderaan seperti traktor yang menyeberangi sistem perparitan tersebut juga menyebabkan keruntuhan struktur perparitan tersebut seperti di Gambar 2.7 dan Gambar 2.8 Penyenggaraan Tidak Dilakukan Pengaliran tidak berfungsi disebabkan parit perimeter tidak disenggara seperti di Gambar 2.9. Kawasan ini sepatutnya diusahakan untuk tanaman padi tetapi diusahakan untuk penanaman jagung seluas 80 hingga 100 hektar oleh Ceria Group seperti di Gambar 2.10.

Sumber: Jabatan Pengaliran Dan Saliran




Gambar 2.5
Longgokan Kayu Balak Di Jalan Ladang

Sumber: Jabatan Pengaliran Dan Saliran
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012



Gambar 2.10
Kawasan Sawah Ditanam Dengan
Tanaman Jagung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SPPC, Stumbin
Tarikh: 25 September 2012

c. Maklum balas daripada JPS menyatakan:

- i. Aktiviti pembalakan haram di kawasan berkenaan telah dimaklumkan kepada pihak Sarawak Forestry Corporation (SFC) melalui 4 surat rasmi bagi tempoh bulan September 2009 hingga Januari 2013 tetapi tiada maklum balas daripada SFC.
- ii. Reka bentuk kedudukan *design invert level* untuk *intake* adalah berpatutan setelah mengambil kira kedudukan *Hydraulic Head H* untuk paras bekalan air yang diperlukan. Bagaimanapun, punca air tidak dapat masuk ke terusan disebabkan paras bekalan air H di sumber air tidak dapat mencapai ketinggian sepatutnya kerana kekurangan air terutama pada musim kemarau/*off season*. Sebagai alternatif jika paras air dalam parit perimeter terlalu rendah, sistem pam mudah alih akan dibawa ke tapak untuk membantu pengambilan air. Sistem pengairan sedia ada di kawasan projek ini akan diambilkira dalam cadangan reka bentuk infrastruktur pengairan yang menyeluruh termasuk sumber air utama dalam Cadangan Sistem Pengairan Di Bijat, Stumbin, Entulang Dan Kawasan Jelapang.
- iii. Reka bentuk pengairan sekunder iaitu *concrete canal*, pengiraan *bending moment* telah mengambilkira beban hidup di sisi terusan iaitu beban untuk jentera ringan atau peralatan diguna untuk penyenggaraan terusan tetapi tidak untuk menanggung beban berat langsung daripada jentera berat di atasnya. Jentera berat mengguna jalan ladang tersebut sepatutnya pada jarak 1.5 meter dari sisi *concrete canal*. Bagaimanapun, dipercayai ada kegiatan traktor peladang yang menyeberangi terusan tersebut menyebabkan dinding terusan menjadi lemah dan runtuh. Pada 25.11.2012, Ceria Group menyatakan kesanggupan untuk memperbaiki struktur terusan yang rosak pada awal tahun 2013. Dalam reka bentuk struktur *concrete canal*, kekuatan dinding *concrete canal* terhadap beban sisi telah mengambilkira ketiadaan struktur topang. Ketidadaan topang bertujuan untuk memudahkan proses penyenggaraan *concrete canal*. Sebagai langkah berjaga-jaga, topang kayu sedia ada akan diletakkan di sepanjang terusan.

- iv. Projek pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran, pembinaan ban, jalan ladang serta pembersihan dan perataan tanah yang dilaksanakan di kawasan SPPC telah menyediakan kawasan yang kondusif untuk penanaman padi. Bagaimanapun, kekurangan sumber air daripada kawasan tadahan air yang berhampiran terutama pada musim kemarau menjadi faktor utama sistem pengairan kurang efisien dan menyebabkan sistem belum dapat diujicuba sepenuhnya. Sumber air boleh juga diperolehi daripada air hujan secara *rainfed*. Cadangan pembinaan sistem pengairan dan pengambilan air dari Sungai Entulang, Sungai Stumbin dan Sungai Gran di bawah Cadangan Jelapang Padi Bijat/Stumbin dijangka dapat menampung keperluan air yang mencukupi untuk seluruh kawasan Bijat/Stumbin termasuk kawasan SPPC.

Jadual 2.11

Kelemahan Pelaksanaan Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di Bawah DJBM Oleh JPS

Projek	Kelemahan
Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di Sungai Sebalak, Betong Di Bawah DJBM Kos Projek: RM56.9 juta Skop Kerja: Pembinaan ban banjir, terusan parit utama, jalan ladang, 3 struktur pintu air pasang surut, 17 struktur kawalan pengairan, 22 struktur kawalan pengairan ladang, 7 struktur kawalan pengairan akhir, 2 struktur pengatur, 5 struktur <i>off take</i> sekunder, 1 stesen pam, 1 jana kuasa dan 9 jambatan kayu. Keluasan: 700 hektar Tarikh Mula: 23.10.2009 Tarikh Siap: 30.04.2012 Status: Projek Siap	Koordinasi Dan Perancangan Projek siap tetapi pengusaha belum dikenal pasti dan hanya 30 hektar daripada 3,000 hektar atau 1% kawasan ditanam padi. Akibatnya, objektif pembinaan infrastruktur padi tidak tercapai. Sebahagian daripada kawasan Sungai Sebalak seluas 3,000 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit walaupun tujuan asal projek adalah untuk tanaman padi seperti di Gambar 2.11
	Kualiti Kerja Kurang Memuaskan • Struktur gabion yang dibina tidak jelas kelihatan dan sebahagian struktur pembinaan tersebut telah beralih dari kedudukan asal. Gabion yang telah runtuh seperti di Gambar 2.12. • Cerun tambak tidak ditanam rumput menyebabkan tanah di bahagian cerun mengalami hakisan dan tanah masuk ke parit perimeter seperti di Gambar 2.13. • Ruang tepi <i>intake structure</i> tidak ditimbus dengan tanah seperti di Gambar 2.14.
	Reka Bentuk Tidak Praktikal • Reka bentuk projek tidak praktikal kerana tiada kemudahan laluan masuk seperti tangga susur. Pembinaan struktur penapis (trash screen) secara berasingan menyebabkan kerja penyenggaraan <i>Chamber</i> pam sukar dilaksanakan. <i>Chamber</i> pam yang tidak mempunyai tangga untuk kerja penyenggaraan seperti di Gambar 2.15. • Jarak laluan pengambilan air sungai ke muka sauk adalah jauh. Kedudukan struktur <i>intake</i> jauh dari muara sungai adalah seperti di Gambar 2.16. • Rumah pam tidak mempunyai ciri keselamatan yang baik kerana pagar dibina menggunakan <i>PVC coated chain link fencing</i> sahaja seperti di Gambar 2.17 yang sepatutnya dipasang <i>barbed wire</i>.
	Penyenggaraan Tidak Dilakukan Timbunan kelodak dan lumpur memenuhi muka sauk mengakibatkan muka sauk menjadi cetek dan kuantiti aliran air masuk ke struktur dari muka sauk berkurangan

Projek	Kelemahan
	dan seterusnya mengakibatkan takungan air ke sistem pengepaman pengairan tidak dapat berfungsi secara optimum. Pengelodakan dan pemendapan di muka sauk seperti di Gambar 2.16 .

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Gambar 2.11
Kawasan Sawah Padi Ditanam Kelapa Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012

Gambar 2.12
Gabion Runtuh



Gambar 2.13
Cerun Tambak Tidak Ditanam Rumput




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012



Gambar 2.14
Bawah Struktur Intake Tidak Ditimbus Dengan Tanah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012



Gambar 2.15
Pump Chamber Tiada Tangga Untuk Kerja Penyenggaraan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012

Gambar 2.16
Pump Chamber Jauh Dari Muara Serta Pengelodakan Dan Pemendapan Di Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012



Gambar 2.17
Pagar Tanpa Kawat Berduri

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam, Sungai Sebalak, Roban
Tarikh: 25 September 2012

- d. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 10 Januari 2013 menyatakan Jabatan bersetuju bahawa semua perancangan sepatutnya ke arah pencapaian padi dan beras secara komersial di Negeri Sarawak tetapi kejayaannya bergantung kepada dasar dan peranan pelbagai agensi yang terlibat dalam pengeluaran padi dan beras. Setakat ini belum ada syarikat yang dikenal pasti. Penanaman sesuatu tanaman adalah atas kehendak petani sendiri berdasarkan pulangan dan kelapa sawit adalah lebih menguntungkan daripada padi. Sebuah Jawatankuasa Kajian Kegunaan Tanah Sungai Sebalak, Betong telah**

ditubuhkan di peringkat MOMA untuk mengkaji peserta terlibat, hak milik tanah dan kegunaan tanah. Mengikut syarat kontrak kontraktor berkenaan masih bertanggungjawab untuk melakukan kerja penambahbaikan terhadap kualiti kerja yang tidak memuaskan kerana projek masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang akan berakhir pada 29 April 2013.

- e. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 29 Januari 2013** pula menyatakan JPS telah menyemak konsep reka bentuk dari segi kesesuaiannya pada aspek sosial dan teknikal. Namun dari segi teknikal, JPS hanya menyemak tentang kebolehaplikasian sistem tersebut secara menyeluruh seperti dipersetujui dalam reka bentuk konsep. Bagi reka bentuk yang lebih terperinci dan mendalam dari segi kesesuaian aplikasinya adalah tanggungjawab perunding. Kerja penambahbaikan akan dilakukan untuk reka bentuk yang tidak sesuai. Rumah *genset* dan *main switch board* adalah dilindungi oleh pagar keliling setinggi 1800 mm jenis *PVC coated* dan 50 mm *Diamond mesh* (No.10 S.W.G) untuk tujuan menghalang orang yang tidak mempunyai surat kuasa/kebenaran memasuki kawasan tersebut. Bangunan ini merupakan instalasi untuk menyimpan dan menempatkan beberapa unit *genset*, *main switchboard* dan alat ganti untuk pam. Bagi tujuan keselamatan, bangunan tersebut dilindungi dengan dinding bata dan *high fixed louver window*.

Jadual 2.12

Kelemahan Pelaksanaan Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di Bawah DJBM Oleh JPS

Projek	Kelemahan
Projek Pembangunan Infrastruktur Padi Di Pulau Bruit, Mukah Fasa II Di Bawah DJBM Kos Projek: RM14.9 juta Skop Kerja: Pengorekan parit dan pembinaan benteng tanah sepanjang 75,776 meter, pembinaan 7 pintu kawalan pasang surut, pembinaan 14 <i>check gates</i> , 16 penutupan sungai (<i>creek closures</i>) dan pembinaan 18 jambatan belian Keluasan: 2,689 hektar Tarikh Mula: 08.06.2009 Status: Projek Sakit	Kurang Koordinasi Dan Pemantauan Oleh JPS - Kelewatan pembayaran interim antara 5 hingga 209 hari menjejaskan kemajuan kerja pembinaan. Setakat bulan Disember 2012, projek ini dikategorikan sebagai projek sakit iaitu 17.5% lewat jadual (sebenarnya 82.5% berbanding dengan 100% dijadualkan). <i>Delay Meeting</i> yang dipengerusikan oleh Pengarah JPS Sarawak hanya diadakan 4 kali dalam tempoh 2011 dan 2012 menyebabkan penyelesaian terhadap masalah pelaksanaan projek lambat diambil tindakan oleh JPS. <i>Flap gates</i> tidak disimpan dengan sempurna bagi menjamin kualiti dan jangka hayat seperti di Gambar 2.18.

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran



Gambar 2.18
Flap Gates Tidak Disimpan Dengan Sempurna

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Pulau Bruit, Mukah
Tarikh: 09 September 2012

- f. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 29 Januari 2013** menyatakan peruntukan tambahan sejumlah RM13 juta tidak diterima daripada MOA. Projek disambung ke RMKe-10 dan MOA telah memohon kelulusan siling peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi untuk tujuan pembayaran. Manakala untuk penyimpanan *Flap Gates* pada 14 September 2009, perunding telah bersetuju dengan *Method of Statement* mengenai penjagaan kualiti *HDPE flap valve* di tapak yang dikemukakan oleh kontraktor pada 1 September 2009. Penyimpanan bahan binaan di tapak yang tidak sempurna juga pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tapak Bil. 33 pada 22 Mei 2012 untuk tindakan kontraktor.
- g. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 26 Mac 2013 pula** menyatakan Mesyuarat Tapak telah diadakan setiap satu kali sebulan untuk membincangkan masalah projek bagi mengelak kelambatan pencapaian fizikal projek tersebut. Mesyuarat ini melibatkan JPS, Perunding dan Kontraktor. *Delay Meeting* adalah inisiatif JPS sebagai langkah pendekatan untuk menyelesaikan masalah projek yang masih tertunggak dan tidak diambil tindakan untuk tempoh yang lama oleh pihak yang terlibat dalam projek seterusnya membuat keputusan segera untuk penyelesaian masalah tersebut. Oleh yang demikian kekerapan mesyuarat ini adalah bergantung kepada keperluan dan masalah yang tertunggak pada projek.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perancangan dan pengurusan projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur ladang turut menjejaskan pencapaian sasaran tahap 70% *self-sufficiency* beras untuk negeri Sarawak. Pihak Audit juga berpendapat pembinaan SPPC hendaklah disegerakan serta Jabatan dan JPS hendaklah memastikan projek penambahbaikan infrastruktur padi dilaksana mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang ditetapkan, memantau kerja yang dilakukan kontraktor, meningkatkan koordinasi dan melakukan kerja penyenggaraan.

2.4.2. Perolehan Bekalan Input Pertanian

Input pertanian merangkumi bekalan baja, racun rumpai dan racun serangga untuk penanaman padi bukit.

2.4.2.1. Perolehan Baja Ammofos Bagi Bantuan Penanaman Padi Bukit

- a. Pada RMKe-9, Jabatan menganggarkan perbelanjaan tahunan sejumlah RM3.50 juta untuk pembelian 100,000 beg baja padi bukit bagi menyalurkan bantuan baja kepada 70,000 keluarga tani di Sarawak. Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM35.36 juta, iaitu RM29 juta daripada Kerajaan Persekutuan di bawah DJBM dan sejumlah RM6.36 juta daripada Kerajaan Negeri untuk bekalan baja Ammofos. Pada akhir tahun 2010, sejumlah RM33.98 juta atau 96.1% telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati:

- i. **Perjanjian Kontrak Untuk Pembekalan Dan Penghantaran Baja Ammofos Tidak Disediakan**

- Jabatan diluluskan pengecualian proses tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) pada bulan November 2008 bagi pembekalan dan penghantaran 88,787 beg baja Ammofos bernilai RM14.65 juta pada tahun 2008. Jabatan telah melantik Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) sebagai pembekal tunggal baja Ammofos berdasarkan harga purata yang ditawarkan adalah yang terendah. Berdasarkan surat permohonan pengecualian daripada proses tender Jabatan kepada SKN dan memorandum Jabatan kepada semua Pejabat Pertanian Daerah/Stesen pada akhir November 2008, pengagihan baja Ammofos bermula pada 8 hingga 31 Disember 2008
- Bagaimanapun, tiada perjanjian kontrak ditandatangani antara Jabatan dengan PPNS bagi pembekalan baja bagi tempoh 8 hingga 31 Disember 2008 dan pembekalan baja telah dilakukan sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan. Selain itu, baja Ammofos lewat dibekalkan ke Pejabat Pertanian Daerah/Stesen antara 21 hingga 107 hari dan tiada penalti dapat dikenakan terhadap PPNS. Pembekalan baja Ammofos yang melewati 31 Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13**Pembekalan Baja Ammofos Melewati 31 Disember 2008**

Bil.	Tarikh Pesanan Kerajaan	Kuantiti (25 Kg/Beg)	Amaun (RM)	Tarikh Akhir Baja Sepatutnya Dibekalkan	Tarikh Baja Sebenarnya Diterima	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	12.02.2009	57,726	9,524,790	31.12.2008	01.01.2009 - 21.01.2009	21
2.	04.03.2009	5,920	976,800		16.01.2009 - 12.02.2009	28
3.	21.04.2009	17,298	2,854,005		03.01.2009 - 27.03.2009	84
4.	09.06.2009	960	158,400		17.04.2009	107
5.	11.06.2009	1,260	207,900		10.03.2009	69
		110	18,150		TM	TM
6.	16.07.2009	5,513	909,480		19.02.2009 - 31.03.2009	41
Jumlah		88,787	14,649,525			

Sumber: Jabatan Pertanian

Nota: TM – Tiada Maklumat

ii. Baja Ammofos Bagi Tahun 2009 dan 2010 Lewat Dibekalkan

- Pembekalan dan penghantaran baja Ammofos bagi tahun 2009 hendaklah dihantar pada atau sebelum 1 November 2010 manakala untuk tahun 2010 sebelum 6 Januari 2011. Mengikut syarat perjanjian, ganti rugi tertentu yang ditetapkan boleh dikenakan atas kelewatan penghantaran dan pembekalan baja oleh pembekal
- Penghantaran dan pembekalan baja Ammofos bagi tahun 2009 lewat antara 44 hingga 126 hari ke Pejabat Pertanian Daerah/Stesen manakala tahun 2010 antara 181 hingga 249 hari. Kelewatan ini menyebabkan baja tidak dapat digunakan dengan optimum untuk musim penanaman berkenaan. Jabatan tidak mengenakan penalti terhadap pembekal berkenaan selaras dengan syarat kontrak. Mengikut pengiraan Audit, jumlah ganti rugi yang boleh dikenakan adalah RM0.37 juta iaitu RM0.17 juta terhadap PPNS dan RM0.20 juta terhadap Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. Baja Ammofos lewat dibekalkan adalah seperti di **Jadual 2.14**.

Jadual 2.14

Baja Ammofos Lewat Dibekalkan Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Baja Ammofos Lewat Dibekalkan Bagi Tahun 2009 Dan 2010							
Bil.	Rujukan/Perihal Kontrak	Kuantiti Baja (Beg)	Tarikh Pesanan Kerajaan	Tarikh Akhir Baja Sepatutnya Dibekalkan	Tarikh Akhir Terimaan	Tempoh Lewat (Hari)	Daerah/ Stesen
1.	18/DOA/2009 (A) - Membekal Dan Menghantar Baja Padi Bukit (Diammonium Phosphate) Ammofos kepada Jabatan Pertanian bagi tahun 2009 dengan kos kontrak RM10.55 juta (Perjanjian ditandatangani pada 9 Jun 2010 dengan PPNS)	54,864	17.06.2010	Pada atau sebelum 01.11.2010	07.03.2011	126	Kuching, Limbang, Kapit dan Samarahan
		4,554	17.06.2010		15.12.2010	44	Sibu
		7,081	17.06.2010		07.03.2011	126	Kapit
2.	27/DOA/2010 - Membekal Dan Menghantar Baja Padi Bukit (Diammonium Phosphate), Ammofos kepada Jabatan Pertanian bagi tahun 2010 dengan kos kontrak RM3.10 juta (Perjanjian ini ditandatangani pada 23 November 2010 dengan Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd.)	1,353	02.12.2010	Pada atau sebelum 06.01.2011	12.09.2011	249	Sibu
		27,354	02.12.2010		06.07.2011	181	Kuching, Sri Aman, Sibu, Bintulu, Samarahan, Mukah, Betong, Miri, Limbang, Sarikei dan Kapit
		502	02.12.2010		20.08.2011	226	Kuching dan Miri
Jumlah		95,708					

Sumber: Jabatan Pertanian

- b. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 10 Januari 2013 menyatakan PPNS menerima stok baja pada bulan Julai 2010 dan dibungkus semula menjadi 25 kilogram satu beg mengikut kehendak Jabatan. Berlaku kelewatan penghantaran disebabkan penutupan Bendungan Sungai Sarawak untuk penyenggaraan pada bulan Julai, Ogos dan Disember 2010. Pada bulan Disember 2010 dan Januari 2011, keadaan laut bergelora. Ini menjejaskan penghantaran baja oleh PPNS ke Kuching, Limbang, Sibu, Samarahan dan Kapit. Keadaan cuaca buruk pada bulan November dan Disember 2010 juga telah menyebabkan jalan akses ke stesen Jabatan Pertanian berkaitan di Sibu sukar dilalui.**

2.4.2.2. Perolehan Racun Rumpai Bagi Tahun 2009 Dan 2010 Tidak Teratur

- a. Perolehan bagi pembekalan dan penghantaran racun rumpai hendaklah melalui tender terbuka seperti yang ditetapkan oleh prosedur perolehan kerajaan. Pengecualian proses tender hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada

Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SKN). Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum pembekalan dan penghantaran racun rumpai boleh dilakukan oleh pembekal.

- b. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengemukakan permohonan pengecualian prosedur tender kepada SKN pada bulan November 2009 untuk melantik Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. bagi pembekalan dan penghantaran 51,867 botol (4 liter/botol) racun rumpai bernilai RM1.51 juta bagi tahun 2009. Semakan Audit juga mendapati Jabatan telah memaklumkan secara bertulis kepada Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. pada 4 Disember 2009 untuk membuat persediaan bagi membekal dan menghantar racun rumpai sebelum 31 Disember 2009 walaupun kelulusan pengecualian tender belum diperolehi daripada SKN. Pembekal berkenaan telah membuat penghantaran racun ke Pejabat Pertanian Daerah/Stesen pada akhir bulan Disember 2009 hingga awal Januari 2010. Keputusan SKN tidak melulus permohonan Jabatan hanya diterima pada akhir bulan Disember 2009. Oleh itu, bayaran sejumlah RM1.51 juta kepada Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. tidak dilakukan dan peruntukan tahun 2009 sejumlah RM1.51 juta tidak dapat dibelanjakan. Pembekalan dan penghantaran racun rumpai adalah seperti di **Jadual 2.15**.

Jadual 2.15

Pembekalan Dan Penghantaran Racun Rumpai Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Tahun Perolehan	Perkara	Pembekal	Kos (RM Juta)	Kuantiti (4 L/ Botol)	Catatan
2009	Membekal dan menghantar racun rumpai (<i>Paraquat Dichloride</i>)	Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd.	1.51	51,867	Racun dibekal tetapi tiada pembayaran.
2010	Membekal dan menghantar racun rumpai (<i>Paraquat Dichloride</i>)	PPNS	1.06	53,917	Racun tidak dibekal tetapi ada pembayaran

Sumber: Jabatan Pertanian

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati pada bulan Oktober 2010, Lembaga Tender Pusat Negeri bersetuju menawar tender bernilai RM1.06 juta kepada PPNS untuk membekal dan menghantar 53,917 botol racun rumpai. Perjanjian kontrak antara Jabatan dan PPNS telah ditandatangani pada bulan Disember 2010. Bagi tempoh yang sama, Jabatan telah mengeluarkan Pesanan Kerajaan bernilai RM1.06 juta kepada PPNS dan pembayaran telah dilakukan pada bulan Januari 2011 bagi membekal dan menghantar 53,917 botol racun rumpai. Lawatan Audit pada bulan Jun, Julai dan September 2012 ke 9 Pejabat Pertanian Daerah/Stesen di Siburan, Bau, Lundu, Pantu, Meradong, Serian, Saratok, Roban dan Nanga Budu mendapati:
- i. Sebanyak 8,634 botol racun bernilai RM0.23 juta telah dibekal oleh Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. pada bulan Disember 2009 dan awal Januari 2010.

Penerimaan tersebut telah direkod dalam Buku Lejer Penerimaan di Pejabat Daerah/Stesen berkenaan.

- ii. Bagi perolehan racun rumpai tahun 2010, sebanyak 8,634 botol racun bernilai RM0.17 juta tidak dibekalkan oleh PPNS tetapi dibayar sejumlah RM0.17 juta. Semakan Audit terhadap Buku Lejer Penerimaan di 9 Pejabat Daerah/Stesen yang sama mendapati tiada sebarang penerimaan racun bagi tahun 2010 seperti tuntutan bayaran oleh PPNS melalui Nota Hantaran yang tidak dicatat nombor pesanan, tarikh penghantaran dan penerimaan tetapi telah diakui terima dan dibayar oleh Jabatan.
- iii. Semakan Audit seterusnya terhadap Buku Lejer Penerimaan di Pejabat Pertanian Daerah Serian mendapati sebanyak 3,934 botol racun rumpai bernilai RM0.10 juta telah diterima daripada Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. pada 11 dan 12 Januari 2010. Bagaimanapun, atas arahan lisan Ibu Pejabat maklumat pembekal tersebut telah dipinda dan direkod sebagai penerimaan daripada PPNS. Dua Nota Hantaran baru tidak bertarikh telah dikeluarkan atas nama PPNS dengan mengguna tarikh penghantaran yang sama iaitu 11 dan 12 Januari 2010 sedangkan perjanjian kontrak dengan PPNS hanya ditandatangani pada bulan Disember 2010. Racun Rumpai bagi perolehan pada akhir tahun 2010 tidak dibekalkan adalah seperti di **Jadual 2.16**.

Jadual 2.16

Racun Rumpai Bagi Perolehan Pada Akhir Tahun 2010 Tidak Dibekalkan

Bil.	Daerah/ Stesen	No. Nota Hantaran	Kuantiti (Botol/4L)	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
No. 3800001/10/03192 Dan Tarikh Pesanan Kerajaan 02.12.2010					
1.	Siburan	1974	685	19.63	13,447
2.	Bau	1951	1,490	19.63	29,249
3.	Lundu	1977	1,445	19.63	28,365
4.	Pantu	1983	909	19.63	17,844
5.	Meradong	1970	522	19.63	10,247
6.	Serian	1924	1,565	19.63	30,721
7.	Saratok	1939	960	19.63	18,845
8.	Roban	1941	611	19.63	11,994
9.	Nanga Budu	1943	447	19.63	8,775
Jumlah			8,634		169,487

Sumber: Jabatan Pertanian

- d. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan cadangan untuk melantik Syarikat Jaya Agrochem Sdn. Bhd. membekal racun tersebut adalah berdasarkan kajian pasaran mengenai tawaran harga terendah pernah diterima oleh Jabatan. Racun tersebut boleh diperolehi daripada syarikat berkenaan dengan harga yang berpatutan. Jabatan telah mengguna harga tersebut untuk memohon pengecualian prosedur tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri dan dimaklumkan secara lisan permohonan**

tersebut lengkap dan dalam proses mendapat kelulusan. Berasaskan maklum balas tersebut, Jabatan beranggapan besar kemungkinan permohonan tersebut akan diluluskan. Oleh itu, Jabatan mengeluarkan makluman awal kepada syarikat berkenaan supaya boleh membuat segala persiapan untuk membekalkan racun tersebut sebelum akhir tahun untuk keperluan tahun 2010. Juga memaklumkan bahawa Pesanan Kerajaan akan dikeluarkan sebaik sahaja menerima kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Jabatan tidak membayar dan tidak akan membayar syarikat berkenaan. Jabatan mengaku bahawa perkara ini berlaku dan akan menjalankan penyiasatan (*Board Of Inquiry*).

- e. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 20 Mei 2013** menyatakan Lembaga Penyiasatan Jabatan mendapati fakta-fakta yang diperolehi daripada siasatan adalah konsisten dengan Laporan Audit. Urusan perolehan racun tidak teratur kerana tidak mematuhi peraturan kewangan iaitu pembekalan dibuat tanpa kelulusan awal pihak berwajib dan mengakibatkan pembayaran tidak boleh dilaksanakan; dan pembekalan tidak dilaksanakan tetapi pembayaran telah dibuat. Lembaga Penyiasatan Jabatan yang bermesyuarat pada 16 April 2013 telah mengesyorkan supaya kes ini dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau pihak Polis untuk siasatan terperinci.

2.4.2.3. Racun Serangga Bagi Tahun 2010 Lewat Dibekalkan

Mengikut Perjanjian Kontrak pembekal hendaklah membekal dan menghantar racun serangga dalam tempoh 5 minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Pesanan Kerajaan. Semakan Audit terhadap kontrak pembekalan dan penghantaran racun serangga bernilai RM2.18 juta yang ditandatangani pada November 2010 mendapati racun serangga lewat dibekalkan ke Jabatan Pertanian Daerah/Stesen antara 80 hingga 84 hari. Bagaimanapun, Jabatan tidak mengenakan penalti terhadap pembekal berkenaan selaras dengan syarat kontrak. Mengikut pengiraan Audit berdasarkan tarikh terakhir baja sepatutnya dibekalkan, jumlah ganti rugi yang boleh dikenakan terhadap PPNS adalah RM14,826. Racun serangga lewat dibekalkan adalah seperti di **Jadual 2.17**.

Jadual 2.17
Racun Serangga Lewat Dibekalkan Bagi Tahun 2010

Rujukan/Perihal Kontrak	Kuantiti (Botol)	Tarikh Pesanan Kerajaan	Tarikh Sepatutnya Dibekalkan	Tarikh Akhir Terimaan	Tempoh Kelewatan (Hari)	Daerah/ Stesen
28/Pest/DOA/2010 - Membekal dan menghantar racun serangga <i>Alpha-Cypermethrin</i> 3.4% kepada DOA bagi tahun 2010 dengan kos kontrak RM2.18 juta. (Perjanjian ditandatangani pada 23.11.2010)	17,640	06.12.2010	Pada atau sebelum 11.01.2011	07.04.2011	84	Kuching, Betong, Sibul, Miri, Kapit, Mukah, Limbang dan Samarahan
	19,485	13.12.2010	Pada atau sebelum 17.01.2011	07.04.2011	80	Kuching, Sri Aman, Sibul dan Kapit
Jumlah	37,125					

Sumber: Jabatan Pertanian

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan input pertanian adalah tidak teratur. Perjanjian kontrak tidak disediakan, perolehan racun rumpai tidak mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan dan berlaku kelewatan pembekalan baja ammos fos dan racun serangga.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan program ini adalah disyorkan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan perancangan dan pengurusan projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur ladang dilakukan dengan rapi.

2.5.2. Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan infrastruktur padi dilaksanakan mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang ditetapkan, memantau kerja yang dilakukan kontraktor, meningkatkan koordinasi dan melakukan kerja penyenggaraan.

2.5.3. Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian hendaklah memastikan pembinaan SPPC disegerakan.

2.5.4. Jabatan Pertanian hendaklah memastikan pengurusan perolehan input pertanian teratur, perjanjian kontrak disediakan, perolehan racun rumpai mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan untuk memastikan input pertanian dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.5.5. Komunikasi dan koordinasi antara Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Agensi Kerajaan lain yang terlibat hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan objektif Program Pembangunan Industri Padi tercapai.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, JABATAN KETUA MENTERI

3. PENGURUSAN PENYENGGARAAN PENGKOMPUTERAN NEGERI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK) berperanan sebagai perancang dan pelaksana program teknologi maklumat dan komunikasi bagi Perkhidmatan Awam Negeri. Dengan demikian, Unit ini dapat memastikan wawasan teknologi maklumat dan komunikasi Kerajaan Sarawak menjadi kenyataan iaitu untuk membangunkan masyarakat dan tenaga kerja yang berasaskan pengetahuan di Negeri ini. Unit ini bertanggungjawab terus kepada Setiausaha Kerajaan untuk menyelaraskan dan menerajui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi termasuk merangka dasar Teknologi Maklumat Kerajaan, hala tuju dan piawaian.

3.1.2. Penyenggaraan pengkomputeran Negeri Sarawak adalah merangkumi Penyenggaraan Perkakasan dan Perisian Komputer, Penyenggaraan Sistem Aplikasi *Client Server*, Penyenggaraan Aplikasi Sistem Laman Sesawang, Penyenggaraan Perkhidmatan SarawakNet dan Penyenggaraan Rangkaian Infrastruktur. Bagi membantu penyelenggaraan pengkomputeran berkenaan Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK), syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) telah dilantik.

3.1.3. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sejumlah RM137.61 juta atau 98.2% telah dibelanjakan daripada RM140.11 juta peruntukan yang diterima bagi penyenggaraan pengkomputeran iaitu sejumlah RM38.55 juta peruntukan bagi tahun 2010, RM49.72 juta pada tahun 2011 dan RM51.84 juta pada tahun 2012 telah diterima bagi perbelanjaan penyenggaraan pengkomputeran dan daripada jumlah tersebut sebanyak 95.6% telah dibelanjakan bagi tahun 2010, 98.6% telah dibelanjakan bagi tahun 2011 dan 99.8% telah dibelanjakan bagi tahun 2012.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan pengkomputeran Negeri telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah meliputi pengurusan penyenggaraan pengkomputeran di UTMK bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di UTMK, Jabatan Tanah Dan Survei (JTS), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kuching, Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Unit Perhubungan Awam dan Hal Ehwal

Korporat dengan menyemak *Service Level Agreement* (SLA), dokumen, rekod dan fail berkaitan serta menganalisis data. Selain itu, lawatan dan perbincangan dengan pengguna juga telah dijalankan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 53 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan daripada bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan pengkomputeran negeri adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti berikut:

- Kelewatan dalam *Turn Around Time* (TAT).
- Pengurusan kontrak berkaitan kadar, syarat TAT dan pegawai sangkutan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Penyenggaraan Perkomputeran

3.4.1.1. Kelewatan Dalam *Turn Around Time*

Service Level Agreement bagi penyenggaraan komputer menakrifkan *Turn Around Time* sebagai masa yang diambil untuk mendapatkan sistem dalam mod operasi tanpa dikenakan pampasan kepada Kerajaan. Jika SAINS gagal untuk memulihkan peralatan tersebut dalam TAT yang ditetapkan pampasan dikenakan selaras dengan syarat SLA. Semakan Audit terhadap bayaran SLA bagi *LASIS Platform Support Maintenance* dan bagi penyenggaraan infrastruktur *Local Area Network* (LAN) mendapati kelewatan penyenggaraan melebihi 1 hingga 106 hari yang melibatkan 38 kes. Semakan Audit seterusnya mendapati kelulusan lanjutan masa tidak diperolehi bagi kelewatan ini. Pengesahan kelewatan ini adalah berdasarkan kepada tarikh perakuan penyenggaraan siap yang dibuat oleh Jabatan. Semakan Audit juga mendapati SLA bagi *Support and Software Maintenance of LASIS Phase II Application* tidak meliputi klausa TAT dan pampasan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan ringkasan *ICT SLA Service Request Reporting System* (SRRS) yang dilampirkan telah disemak dan SRRS yang terperinci tidak disertakan sebagai dokumen sokongan untuk bayaran berkenaan. Maklumat lanjut mengenai kelewatan dalam TAT bagi penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Kelewatan Dalam *Turn Around Time* (TAT)

Jabatan	Bilangan Kes	Jumlah Kelewatan Dalam TAT (Hari)
Jabatan Tanah Dan Survei	34	505
Lain-lain Jabatan	4	24
Jumlah	38	529

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

3.4.1.2. Maklum balas daripada JTS bertarikh 17 April 2013 menyatakan bahawa penyenggaraan kelengkapan melebihi TAT adalah disebabkan tempoh masa menunggu perolehan dibuat bagi alat ganti yang di kategori di bawah *Labour Only*. JTS akan mendapatkan amaun penalti berkenaan daripada pihak SAINS atas kelewatan TAT. Di samping itu, JTS menyatakan bahawa semua *fault report or maintenance* disemak dan disahkan siap dengan sempurna dan direkod dalam *Fault Report System* yang digunakan oleh SAINS untuk pengurusan *fault report* di JTS. Manakala SRRS adalah hanya salah satu daripada tindakan dalam proses *fault report* JTS.

3.4.1.3. Maklum balas daripada UTMK bertarikh 17 April 2013 pula menyatakan bahawa pihak SAINS perlu membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi kelewatan dalam TAT melibatkan perkhidmatan yang kurang daripada *Target Success Rate*. UTMK menyatakan syor Audit berkenaan TAT yang tidak dinyatakan di dalam perjanjian akan diambil kira dan kontrak tersebut akan dipinda selepas perbincangan lanjut dengan pihak SAINS dan semakan oleh Jabatan Undang-undang Negeri Sarawak. Di samping itu, UTMK juga mengarahkan pihak SAINS menyediakan laporan terperinci SRRS untuk disertakan bersama-sama invois bagi tujuan pengesahan pembayaran.

Pada pendapat Audit, klausa penalti bagi kelewatan dalam TAT perlu diadakan dan semakan terperinci serta pengesahan juga hendaklah dibuat terhadap *SLA Service Request Reporting System* bagi memastikan kerja penyenggaraan siap dengan sempurna serta pembayaran adalah betul dan mengikut peraturan kewangan.

3.4.2. Pengurusan Kontrak

3.4.2.1. Penetapan Kadar SLA Tidak Seragam

- a. Penyenggaraan Aplikasi Sistem Laman Sesawang adalah penyediaan Infrastruktur Pusat Data untuk menjadi *host* bagi sistem kerajaan melalui infrastruktur SarawakNet. Penyenggaraan yang dilaksana adalah Infrastruktur Pusat Data dan Khidmat Sokongan Berterusan seperti berikut:

- i. **Infrastruktur Pusat Data**

- **Pentadbiran Pangkalan Operasi**

Menyediakan perkhidmatan seperti diagnostik aktiviti sistem, pelarasan dan konfigurasi pangkalan operasi serta sistem pengurusan pangkalan data untuk memastikan sistem adalah di peringkat operasi yang dikehendaki.

- **Pentadbiran Pangkalan Data**

Memantau dan mengoptimumkan operasi pangkalan data untuk memastikan ketersediaan aplikasi dan mengelakkan komplikasi. Menjalankan ujian pemulihan data *backup* dengan kehadiran wakil pihak kerajaan yang diberi kuasa sekali setahun untuk mengesahkan data tersebut boleh digunakan.

- **Capacity Planning**

Melaksanakan aktiviti menilai keupayaan pelayan aplikasi dan pangkalan operasi lain seperti ruang *hard disk* dan unit pemprosesan serta meningkatkan pangkalan operasi sekiranya diperlukan.

ii. Khidmat Sokongan Berterusan

Menyediakan 24 jam x 7 hari Pusat Data, bantuan telefon, *on-site remedial*, khidmat sokongan terhadap sistem dan *extended standby*.

- b. Semakan Audit terhadap 5 SLA Perkhidmatan Aplikasi Sistem Laman Sesawang mendapati perbezaan dalam penetapan kadar iaitu 3 SLA berdasarkan bilangan sebenar pengguna manakala 2 SLA lagi berdasarkan *hosting*. Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa penetapan kadar SLA tersebut adalah hasil daripada perbincangan dan persetujuan di antara pihak UTMK dan SAINS serta tiada standard yang ditetapkan. Perbezaan kadar untuk Perkhidmatan Aplikasi Sistem Laman Sesawang adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Penetapan Kadar Yang Berbeza

Bil.	Nombor SLA	Aplikasi	Jumlah Setahun (RM Juta)	Kadar
1.	SLA1/P/SF S/01-2010(07)	<i>Application Hosting Service For State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System (SIFBAS)</i>	1.10	Kadar berdasarkan bilangan sebenar pengguna yang mengakses sistem dan berdasarkan kadar <i>annual user License Fee</i>
2.	SLA1/P/ICT U/01-2011(47)	<i>Application Hosting Service For Paperless Registry Operation and Case Tracking System (PROACTS)</i>	0.40	Kadar adalah maksima kepada 2,500 pengguna yang mengakses PROACTS. Pengguna tambahan selepas itu adalah berdasarkan kadar di dalam Jadual Pertama perjanjian.
3.	SLA1/P/ICT U/01-2011(52)	<i>Application Hosting Service For e-Prestasi System</i>	0.69	Kadar <i>hosting</i> adalah tetap mengikut jumlah yang telah dipersetujui di antara Kerajaan negeri dan SAINS
4.	SLA1/PF/U PAK/01-2011(25)	<i>Application Hosting Service For TALIKHIDMAT – e-REQUEST System and Centralised Call Centre Service Management</i>	0.45	Kadar <i>hosting</i> adalah terhad kepada maksima 35 kawasan (maksima kepada 500 pengguna sahaja)

Bil.	Nombor SLA	Aplikasi	Jumlah Setahun (RM Juta)	Kadar
5.	SLA1/P/HR M/01-2010(10)	<i>Application Hosting Service For Integrated Management and Personnel Information Application System (IMPIAN) Phase 1 (Personal Record & e-Jawatan)</i>	0.35	Kadar berdasarkan bilangan sebenar pengguna yang mengakses sistem

Sumber: Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati jumlah kos penyenggaraan bagi Sistem SIFBAS adalah RM1.10 juta setahun berbanding kos penyenggaraan Sistem e-Prestasi iaitu berjumlah RM0.69 juta setahun. Pengguna sistem SIFBAS adalah terhad kepada pegawai yang diberi kuasa untuk penyedia, penyemak, pelulus bayaran dan *viewer* sahaja manakala Sistem e-Prestasi digunakan oleh semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi. Perbezaan sejumlah RM0.41 juta adalah disebabkan perbezaan kaedah dalam menetapkan kadar.
- d. **Maklum balas daripada UTMK bertarikh 17 April 2013 menyatakan bahawa bermula akhir tahun 2012, UTMK telah menetapkan kadar kos penyenggaraan akan ditetapkan berdasarkan kadar *hosting* dan bukan berdasarkan jumlah pengguna. Peralihan penetapan kadar baru adalah berperingkat-peringkat dan akan dilaksanakan apabila sesuatu kontrak diperbaharui.**

3.4.2.2. Tiada Justifikasi Penetapan Kadar

- a. Semakan Audit terhadap SLA *Satellite Communication Services* (VSAT) yang ditandatangani pada 10 Disember 2009 mendapati Kerajaan Negeri bersetuju untuk membayar SAINS caj tahunan seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama SLA sejumlah RM3.45 juta setahun bagi 115 kawasan di seluruh negeri Sarawak pada kadar yang sama di mana kadar *bandwidth* yang diberi adalah 32 kbps/64 kbps. Semakan Audit seterusnya mendapati UTMK telah menandatangani perjanjian tambahan pada 1 Januari 2011 bagi menaik taraf *bandwidth* VSAT bagi 115 kawasan ini. Kos yang dikenakan untuk menaik taraf kelajuan *bandwidth* adalah sejumlah RM2.85 juta dengan kenaikan sewa menjadi RM6.30 juta setahun iaitu peningkatan 45.2%. Analisis Audit terhadap dokumen sokongan kepada pembayaran berkenaan mendapati kadar yang telah dicaj untuk 3 kelajuan yang berbeza adalah sama iaitu RM6,196 setiap suku tahun. Kadar *bandwidth* yang telah dinaik taraf adalah berbeza mengikut kawasan seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3**Kadar *Bandwidth* Yang Berbeza**

Perihal SLA	Kadar <i>Bandwidth</i> (Kawasan)	Kadar Sewa Setahun (RM Juta)
SLA (Disember 2009)	- 32 kbps/64 kbps (115)	3.45
SLA (Januari 2011)	- 128 kbps/256 kbps (73) - 256 kbps/512 kbps (40) - 1 mbps/2 mbps (2)	2.85

Sumber: Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- b. **Maklum balas daripada UTMK bertarikh 17 April 2013 menyatakan bahawa penyediaan perkhidmatan WAN dan LAN SarawakNet Negeri Sarawak oleh SAINS adalah berdasarkan konsep *Network as a Service* (NaaS). Kontrak yang ditandatangani pada tahun 2009 adalah terdiri daripada satu *bandwidth block* berkapasiti 8MB untuk dikongsi oleh semua 115 kawasan. Pembahagian *bandwidth* yang sama rata memandangkan ianya adalah pelaksanaan pertama dan tiada maklumat penggunaan *bandwidth*. Dalam tahun 2011, rangkaian SarawakNet telah dinaiktaraf dan penyediaan satelit/*bandwidth* VSAT telah dinaiktaraf kepada 30mbps. Pengagihan *bandwidth* kepada semua agensi Kerajaan Negeri Sarawak adalah berdasarkan keperluan sebenar agensi/lokasi. Penyediaan perkhidmatan VSAT mengikut konsep ini membolehkan fleksibiliti dalam penyediaan perkhidmatan rangkaian mengikut kapasiti atau *bandwidth* yang berbeza bagi memenuhi keperluan dan penggunaan sesebuah agensi dan lokasi.**

3.4.2.3. Tiada Kontrak Perjanjian Bagi Pelantikan Pegawai Sangkutan SAINS

- a. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak menyatakan peranan dan tanggungjawab SAINS adalah termasuk merumuskan polisi, objektif dan strategi pengkomputeran Negeri; perancangan Sistem Maklumat; pelaksanaan pelan-pelan yang telah diluluskan; sokongan operasi dan penyenggaraan sistem. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak juga menyebut prosedur perolehan personel teknologi maklumat di mana semua agensi Kerajaan Negeri yang memerlukan perkhidmatan personel teknologi maklumat atau sistem maklumat profesional adalah dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Sarawak (SITRC). Personel tersebut adalah tertakluk kepada pertukaran di antara projek atau agensi lain selepas satu jangka waktu yang bersesuaian. Setelah mendapat kelulusan daripada SITRC, pihak Setiausaha Kewangan Negeri dan Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat akan dimaklumkan untuk tujuan permohonan personel IT dan peruntukan emolumen manakala pihak SAINS akan menyediakan IT personel yang bersesuaian. Semakan Audit mendapati bilangan pegawai sangkutan SAINS yang ditempatkan di Kerajaan Negeri pada tahun 2010 dan 2011 adalah 43 orang manakala pada tahun 2012 meningkat kepada 53 orang. Jumlah emolumen juga meningkat daripada RM1.98 juta setahun pada tahun 2011 kepada RM2.55 juta setahun pada tahun 2012. Butiran lanjut mengenai penggunaan pegawai sangkutan SAINS bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4**Bilangan Pegawai Sangkutan SAINS Yang Ditempatkan di Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Kementerian/Jabatan/Agensi	Bilangan Pegawai			Jumlah Emolumen Setahun (RM Juta)		
		2010	2011	2012	2010	2011	2012
1.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	-	-	1	0	0	0.06
2.	Jabatan Agama Islam Sarawak	-	-	1	0	0	0.06
3.	Jabatan Peguam Negeri	2	2	2	0.05	0.05	0.05
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1	1	1	0.04	0.04	0.04
5.	Jabatan Perbendaharaan Negeri	2	2	2	0.10	0.10	0.10
6.	Jabatan Pertanian	1	1	1	0.04	0.04	0.04
7.	Unit Pembangunan Sumber Manusia	1	-	-	0.56	0	0
8.	Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	15	16	17	0.76	0.78	0.88
9.	Jabatan Kerja Raya	2	2	2	0.08	0.08	0.08
10.	Jabatan Tanah Dan Survei	15	15	21	0.71	0.71	1.01
11.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	2	2	2	0.11	0.11	0.11
12.	Unit Perancang Negeri	2	2	2	0.06	0.06	0.06
13.	PUSTAKA	-	-	1	0	0	0.06
Jumlah		43	43	53	2.51	1.97	2.55

Sumber: Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

- b. Semakan Audit seterusnya terhadap pelantikan pegawai sangkutan SAINS di UTMK mendapati penempatan kesemua pegawai tersebut telah mendapat kelulusan SITRC dan surat pelantikan telah dikeluarkan oleh pihak SAINS kepada pegawai terlibat. Bagaimanapun, tiada sebarang kontrak perjanjian yang ditandatangani antara pegawai sangkutan dan Kerajaan Negeri yang merangkumi tempoh pelantikan, tugas-tugas, emolumen, cuti dan kerahsiaan maklumat serta keselamatan harta kerajaan. Semakan Audit juga mendapati Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) tidak dimaklumkan berkenaan penempatan pegawai sangkutan SAINS tersebut.
- c. **Maklum balas daripada UTMK bertarikh 17 April 2013 menyatakan bahawa UTMK akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak UPSM berhubung prosedur pelantikan dan penempatan pegawai sangkutan SAINS, penghasilan kontrak dan prosedur pembaharuan dan syarat serta terma yang akan dimasukkan di dalam kontrak perjanjian.**

3.4.2.4. Pegawai Sangkutan SAINS Diberi Kuasa Untuk Meluluskan Bayaran

- a. Struktur organisasi UTMK diketuai oleh Pengarah Gred N54, 3 Ketua Penolong Pengarah Gred N48, 4 Penolong Pengarah Gred N44 dan 4 Penolong Pengarah Gred N41 serta 9 pegawai sokongan bagi Jawatan Berasaskan Caruman (JBC). Tujuh belas jawatan dikontrakkan kepada personel IT SAINS iaitu 2 jawatan Ketua Penolong Pengarah, 9 Eksekutif IT, 2 jawatan Eksekutif Sistem Maklumat Geografi (GIS), 3 Penolong Eksekutif IT dan 1 jawatan Juruteknik GIS.
- b. Semakan Audit terhadap surat penurunan kuasa oleh Ketua Jabatan UTMK pada tahun 2011 mendapati pegawai sangkutan SAINS yang mengisi jawatan Ketua

Penolong Pengarah N48 di Seksyen Kerajaan Elektronik telah diberi kuasa untuk meluluskan bayaran bagi perbelanjaan mengurus SITRC tanpa dinyatakan had maksimum kelulusan. Analisis Audit terhadap 69 baucar bayaran untuk SLA bagi tempoh 2010 hingga 2012 mendapati 41 baucar atau 59% daripadanya telah diluluskan oleh pegawai ini yang melibatkan amaun sejumlah RM41.99 juta.

- c. **Maklum balas daripada UTMK bertarikh 17 April 2013 menyatakan UTMK mengambil maklum terhadap syor Audit dalam mengelak berlakunya *conflict of interest*.**

Pada pendapat Audit, kadar SLA bagi Aplikasi Sistem Laman Sesawang sepatutnya diseragamkan berdasarkan kadar *hosting* dan kadar bagi keperluan *bandwidth* yang standard ditentukan bagi menjaga kepentingan kerajaan. Pihak Audit juga berpendapat, UTMK hendaklah memastikan kontrak bagi pegawai SAINS ditandatangani dan skop tugas diperincikan bagi mengelakkan pegawai kontrak SAINS terlibat dalam meluluskan bayaran untuk SAINS kerana menimbulkan percanggahan kepentingan.

3.4.3. Maklum Balas Pengguna Sistem

3.4.3.1. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 53 PTJ untuk mendapat maklum balas pengguna sistem berkenaan masalah yang dihadapi. Objektif soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti kepuasan pelanggan terhadap penyenggaraan sistem berkomputer di pejabat masing-masing bagi memastikan aspek keselamatan data terjamin. Analisis Audit terhadap 400 maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Maklum Balas Pengguna Terhadap Penyenggaraan Pengkomputeran

Bil.	Maklum Balas Pengguna	Peratus (%)
1.	Had cubaan gagal log in tidak ditetapkan	56
2.	Tahap pencapaian terhadap pengurusan penyenggaraan pengkomputeran adalah antara 50% hingga 74% (memuaskan)	49
3.	Sistem tidak memberi peringatan berkala mengenai penukaran kata laluan	40
4.	Mengalami masalah dalam penggunaan <i>hardware</i> , sistem berkomputer dan rangkaian internet	36
5.	Masalah system <i>down</i> sering berlaku pada sistem berkomputer dan <i>hardware</i>	36
6.	Tempoh masa antara 2 hingga 6 hari diambil bagi menyelesaikan aduan	36
7.	Tidak dibekalkan dengan garis panduan operasi / pengguna	31
8.	Tempoh masa yang diambil oleh pihak teknikal untuk memberi maklum balas terhadap aduan adalah lebih dari satu hari	28
9.	Tiada latihan <i>hands-on</i> diberi sebelum menggunakan sistem	26
10.	Peralatan ICT yang disediakan seperti pencetak tidak mencukupi	23

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.3.2. Analisis Audit seterusnya mendapati antara kelemahan perkhidmatan yang dinyatakan oleh pengguna adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6**Maklum Balas Pengguna Terhadap Kelemahan Perkhidmatan**

Bil.	Maklum Balas Pengguna Terhadap Kelemahan Perkhidmatan
1.	Kebanyakan program yang diperlukan tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat (kurang pengalaman menangani kehendak pengguna)
2.	Kekurangan pegawai untuk Unit Sokongan Teknikal
3.	Pegawai teknikal lambat untuk memberi respons terhadap aduan yang dibuat dan sistem tidak dapat menyediakan laporan mengikut kehendak pengguna
4.	Pihak SAINS sering kali datang pada waktu yang tidak sesuai dan tidak mengikut masa serta tarikh temu janji
5.	Komputer lama masih lagi digunakan oleh sesetengah kakitangan menyebabkan perisian yang digunakan masih tidak seragam

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan pengkomputeran dapat ditambah baik, pihak Audit mengesyorkan Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK) mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Mengadakan klausa penalti supaya kelewatan menyediakan perkhidmatan dikenakan denda dan semakan terperinci serta pengesahan juga hendaklah dibuat terhadap *SLA Service Request Reporting System* bagi memastikan kerja penyenggaraan siap dengan sempurna serta pembayaran adalah betul dan mengikut peraturan kewangan.

3.5.2. Memastikan kadar bagi Aplikasi Sistem Laman Sesawang diseragamkan untuk semua perjanjian dan kadar bagi keperluan *bandwidth* ditetapkan bagi menjaga kepentingan kerajaan.

3.5.3. Memastikan kontrak bagi pegawai sangkutan SAINS ditandatangani dan skop tugas diperincikan.

3.5.4. Memastikan hanya pegawai tetap di UTMK dibenarkan mengesahkan kerja/perkhidmatan serta meluluskan pembayaran bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.

4. HARWOOD TIMBER SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Harwood Timber Sdn. Bhd. (Harwood) ditubuhkan pada 3 Januari 1985 dengan modal dibenarkan berjumlah RM20 juta. Modal berbayar Harwood berjumlah RM12 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA). Visi Harwood ialah menjadi penyumbang utama dalam kelestarian pengurusan sumber kayu balak dan pembangunan berterusan dalam industri kayu balak di negeri Sarawak. Misi Harwood iaitu komited bagi memastikan integriti, kecekapan dan ketelusan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan Kerajaan Negeri Sarawak; komited bagi menyampaikan perkhidmatan cemerlang agar memenuhi keperluan dan harapan pelanggan serta Kerajaan Negeri Sarawak; dan komited ke arah tenaga kerja yang berpengetahuan, dinamik dan bermotivasi.

4.1.2. Harwood telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk memantau pengagihan balak di negeri Sarawak dan balak yang dieksport. Aktiviti utama Harwood adalah memeriksa dan mengesahkan balak yang telah dikenakan royalti oleh Perbadanan Perhutanan Sarawak serta mengeluarkan pas kebenaran bagi mengangkut balak kepada pelesen balak. Aktiviti lain Harwood adalah menjual kayu balak dan membekal benih getah. Harwood telah mendapat pengiktirafan sijil MS ISO 9001:2000 mulai November 2004 dan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2010 yang meliputi pengesahan balak, pengurusan perkapalan dan pengangkutan serta pemeriksaan balak yang dieksport.

4.1.3. Lembaga Pengarah Harwood dipengerusikan oleh seorang Pengerusi Eksekutif dan dianggotai oleh 9 ahli lain. Operasi Harwood pula diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengurus Besar, 4 orang Penolong Pengurus Besar, 4 orang Pengurus Bahagian serta 338 orang kakitangan sokongan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh 2009 hingga 2011, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti utama syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh 2010 hingga 2012. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan

terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan temu bual dengan pegawai Harwood di Kuching, Sibul, Kapit dan Sarikei. Analisis prestasi kewangan syarikat dilakukan berdasarkan nisbah dan trend terhadap penyata kewangan yang diaudit. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat dan lawatan ke *transit log pond* dan *base camp* di Kuching, Simunjan, Sibul, Kapit dan Sarikei turut dijalankan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Februari 2013, secara keseluruhannya mendapati prestasi kewangan Harwood adalah baik. Pada tahun 2011, Harwood mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.60 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM100.49 juta. Namun beberapa isu dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat boleh ditambah baik seperti berikut:

- *Endorsement Clearance Certificate* dikeluarkan walaupun pelesen mempunyai baki tunggakan hutang.
- Bukti pengiraan kayu balak untuk pengeluaran *Endorsement Clearance Certificate* tidak diperolehi.
- Rancangan korporat tidak disediakan.
- Peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Harwood, analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Harwood yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati Harwood telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2011. Keuntungan selepas cukai berjumlah RM3.94 juta pada tahun 2009, RM4.27 juta pada tahun 2010 dan RM4.60 juta pada tahun 2011. Keuntungan terkumpul Harwood pada tahun 2011 adalah berjumlah RM100.49 juta.
- b. Pendapatan langsung Harwood adalah daripada penjualan kayu balak, pengendalian kayu jenis batak dari Indonesia serta caj pengesahan pengeluaran balak dan pas pengangkutan. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung Harwood berjumlah RM21.50 juta, RM22.35 juta dan RM25.90 juta bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Ini menunjukkan peningkatan RM0.85 juta atau 3.9% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan RM3.55 juta atau 15.9% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Pendapatan tidak langsung Harwood adalah berjumlah RM3.57 juta, RM3.92 juta dan

RM2.95 juta bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Penurunan pendapatan tidak langsung pada tahun 2011 adalah disebabkan pengurangan untung atas pelupusan aset bukan semasa, dividen dan untung atas pelupusan pelaburan jangka panjang.

- c. Perbelanjaan langsung Harwood merupakan kos jualan bagi aktiviti penjualan kayu balak, pengendalian kayu batak serta caj pengesahan pengeluaran balak dan pas pengangkutan. Perbelanjaan langsung Harwood berjumlah RM8.53 juta, RM8.35 juta dan RM10.12 juta pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Perbelanjaan tidak langsung Harwood meliputi perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan lain syarikat berjumlah RM11.43 juta, RM12.53 juta dan RM12.36 juta pada tahun 2009, 2010 dan 2011.
- d. Penghutang dagangan Harwood berjumlah RM4.09 juta, RM3.50 juta dan RM5.77 juta bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011. Analisis Audit mendapati tempoh hutang dagangan melebihi 30 hari adalah RM2.46 juta atau 55% pada tahun 2009, RM2.35 juta atau 60.6% pada tahun 2010 dan sejumlah RM3.85 juta atau 62.6% pada tahun 2011. Manakala hutang daripada 3 syarikat subsidiari Harwood sehingga tahun 2011 ialah RM0.04 juta untuk Bigwood Sdn. Bhd., RM0.48 juta untuk Giovanni Wood Industries Sdn. Bhd. dan RM13.02 juta untuk Harwood Timber Products Sdn. Bhd.
- e. Harwood telah membuat pelaburan dalam 3 syarikat subsidiari dan 2 daripadanya iaitu Syarikat Giovanni Wood Industries Sdn. Bhd. dan Harwood Timber Products Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul RM0.53 juta dan RM20.95 juta masing-masing pada tahun 2011. Butiran pelaburan Harwood dalam syarikat subsidiari dan keuntungan/kerugian terkumpul oleh syarikat subsidiari Harwood bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pelaburan Harwood Dalam Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Jumlah Pelaburan (RM)	Peratus Pegangan (%)	Keuntungan/Kerugian Terkumpul		
					2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Bigwood Sdn. Bhd.	<i>Extraction and sale of timber logs</i>	100,000	100	2.49	2.60	2.53
2.	Giovanni Wood Industries Sdn. Bhd.	<i>Assemblying, importation and sale of furniture and provision of reupholstery services</i>	629,394	62.9	-0.41	-0.44	-0.53
3.	Harwood Timber Products Sdn. Bhd.	<i>Production and sale of sawn timber and moulding products</i>	1	100	-20.72	-20.96	-20.95

Sumber: Harwood Timber Sdn. Bhd.

- f. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul Harwood bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.2**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.


Jadual 4.2

**Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Keuntungan Terkumpul Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	21.50	22.35	25.90
Perbelanjaan Langsung	8.53	8.35	10.12
Untung Kasar	12.97	14.00	15.78
Pendapatan Lain	3.57	3.92	2.95
Perbelanjaan Tidak Langsung	11.43	12.53	12.36
Untung Sebelum Cukai	5.11	5.39	6.37
Cukai	1.17	1.12	1.77
Untung Selepas Cukai	3.94	4.27	4.60
Dividen	0.90	0.90	0.90
Keuntungan Terkumpul	93.42	96.79	100.49


Sumber: Penyata Kewangan Harwood Timber Sdn. Bhd.

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun
Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Harwood Timber Sdn. Bhd.

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Harwood Timber Sdn. Bhd.

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	81.91:1	70.07:1	41.55:1
Margin Untung Bersih	23.8%	24.1%	24.6%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04:1	0.04:1	0.04:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.04:1	0.04:1	0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan Harwood Timber Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Harwood bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 81.91:1, 70.07:1 dan 41.55:1 masing-masing. Ini menunjukkan Harwood tidak menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati Harwood telah mencatatkan margin untung bersih 23.8% pada tahun 2009, 24.1% pada tahun 2010 dan 24.6% pada tahun 2011.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset Harwood adalah positif dan konsisten iaitu sebanyak 4 sen bagi tahun 2009 hingga 2011.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah positif iaitu sebanyak 4 sen bagi tahun 2009 hingga 2011.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Harwood adalah baik kerana berjaya mencatat keuntungan terkumpul RM100.49 juta pada tahun 2011. Nisbah semasa Harwood bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah tinggi serta margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti juga positif.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Harwood adalah mengeluarkan *Endorsement Clearance Certificate* (ECC) dan pas pengangkutan kepada pelesen balak. Pengeluaran ECC dan pas pengangkutan dibuat berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada pelesen balak. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti mendapati perkara berikut:

4.4.2.1. Prestasi Pengeluaran ECC dan Pas Pengangkutan

Harwood tidak menetapkan sasaran tertentu bagi pengeluaran sijil pengesahan pengeluaran balak atau ECC dan pas pengangkutan yang perlu dikeluarkan setiap tahun. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 626,301 ECC telah dikeluarkan melibatkan 37.30 juta m³ kayu balak dengan caj kutipan bayaran ECC berjumlah RM60.15 juta. Manakala bagi tempoh yang sama sebanyak 68,464 pas pengangkutan darat dan air telah dikeluarkan yang melibatkan 26.15 juta m³ kayu balak dengan caj kutipan berjumlah RM13.39 juta seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Pengeluaran ECC dan Pas Pengangkutan Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Aktiviti	Tahun					
		2010		2011		2012	
		Kuantiti (Juta m ³)	Kutipan (RM Juta)	Kuantiti (Juta m ³)	Kutipan (RM Juta)	Kuantiti (Juta m ³)	Kutipan (RM Juta)
1.	Pengeluaran ECC	10.38	16.58	13.40	18.53	13.52	25.04
2.	Pengeluaran Pas Pengangkutan:						
	a) Air	6.86	3.87	7.40	3.75	7.58	3.89
	b) Darat	1.47	0.66	1.50	0.64	1.34	0.58
Jumlah			21.11		22.92		29.51

Sumber: Harwood Timber Sdn. Bhd.

4.4.2.2. ECC Baru Dikeluarkan Walaupun Pelesen Mempunyai Tunggakan Hutang

- a. Mengikut prosedur di *Endorsement Manual*, proses pengeluaran ECC melibatkan pengesahan dan semakan terhadap pelesen, dokumen, baki hutang tertunggak dan pemeriksaan fizikal terhadap balak di tapak. ECC hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 48 jam dari tarikh notis diterima. Caj perkhidmatan dikenakan bagi setiap ECC yang dikeluarkan berdasarkan kepada kategori pelesen dan urus niaga yang dibuat iaitu antara RM0.60 hingga RM2.50 setiap m³. Sekiranya pelesen mempunyai hutang tertunggak, Harwood hendaklah membuat tindakan susulan selepas 15 hari

dari tarikh invois dikeluarkan. Semakan Audit terhadap proses pengeluaran ECC mendapati Harwood telah berjaya mengeluarkan ECC dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, Harwood masih mengeluarkan ECC walaupun pelesen masih mempunyai tunggakan hutang. Semakan Audit terhadap 45 borang ECC di Bahagian Kuching dan Sibu mendapati ada pelesen mempunyai baki tunggakan hutang antara RM1,022 hingga RM487,227 tetapi ECC baru masih juga dikeluarkan seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
ECC Baru Dikeluarkan Kepada Pelesen
Yang Mempunyai Baki Tunggakan

Bil.	ECC Baru		Baki Tunggakan Hutang (RM)
	Nombor	Tarikh Dikeluarkan	
1.	274001	18.03.2012	3,121
2.	274051	30.03.2012	8,568
3.	274062	04.04.2012	1,022
4.	344364	21.11.2012	95,174
5.	341824	12.12.2012	487,227

Sumber: Harwood Timber Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 11 April 2013 menyatakan Harwood tidak menghentikan pengeluaran ECC sebab pelesen terlibat berjaya menjelaskan tunggakan hutang. Harwood juga bersetuju dengan syor Audit untuk menambahbaik sistem berkomputer yang akan mengeluarkan peringatan secara automatik kepada pelesen yang belum menjelaskan tunggakan hutang melebihi tempoh yang ditetapkan.**

4.4.2.3. Bukti Pengiraan Kayu Balak Untuk Pengeluaran ECC Tidak Diperolehi

- a. Mengikut prosedur di *Endorsement Manual*, pemeriksaan dan pengiraan fizikal terhadap balak di tempat simpanan untuk pengeluaran ECC hendaklah dibuat sepenuhnya. Semakan Audit terhadap 45 borang permohonan ECC mendapati pemeriksaan terhadap balak ada dijalankan dengan memeriksa dan mengira balak di tempat simpanan balak, tanda tukul Jabatan Perhutanan Sarawak, tanda pengesahan royalti, nombor siri kayu balak, indeks pengeluaran balak serta ukuran saiz balak. Hasil semakan dan pemeriksaan tersebut dimasukkan ke borang *Inspection Report At Source* berserta dengan dokumen sokongan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bukti pengiraan kayu balak untuk pengeluaran ECC tidak diperolehi kerana tiada dokumen berhubung bilangan kayu balak disertakan. Kayu balak yang diperiksa adalah seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Pegawai Harwood Sedang Membuat
Pemeriksaan Kayu Balak Di Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Papan Di Sibu
Tarikh: 29 Januari 2013

Gambar 4.2
Kayu Balak Yang Mempunyai
Tanda Pengesahan Royalti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Base Camp di Kapit
Tarikh: 30 Januari 2013

- b. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 11 April 2013 menyatakan *Endorsement Manual* akan dikaji semula agar aktiviti *sighting* sahaja yang akan dilakukan sepenuhnya terhadap kayu balak yang dibawa ke tempat simpanan balak dan tidak memerlukan pengiraan fizikal sepenuhnya.**

4.4.2.4. Pengurusan Tunggakan Hutang

- a. Semakan Audit terhadap *Debtors Summary Ageing Report* pada 31 Disember 2012 mendapati Harwood mempunyai baki penghutang berjumlah RM6.0 juta seperti di **Jadual 4.6**. Bahagian Bintulu mempunyai hutang tertinggi iaitu berjumlah RM2.36 juta, diikuti Sibu RM2.13 juta dan Miri RM1.12 juta. Semakan Audit mendapati tempoh kredit untuk penghutang hanya dinyatakan dalam invois untuk Bahagian Sibu sahaja iaitu 7 hari untuk bayaran pengeluaran ECC dan 14 hari untuk pas pengangkutan. Semakan Audit seterusnya mendapati Harwood tidak mengenakan caj faedah sebanyak 1.5% sebulan terhadap hutang yang belum dijelaskan.

Jadual 4.6
***Debtors Summary Ageing Report* Pada 31 Disember 2012**

Bil.	Bahagian	1-30 hari (RM Juta)	31-60 hari (RM Juta)	61-90 hari (RM Juta)	90-120 hari (RM Juta)	>121 hari (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Kuching	0.05	0.04	0.02	0.00	0.00	0.13
2.	Sarikei	0.08	0.07	0.03	0.01	0.07	0.26
3.	Sibu	0.96	0.89	0.21	0.06	0.01	2.13
4.	Bintulu	0.76	0.72	0.53	0.20	0.15	2.36
5.	Miri	0.40	0.45	0.19	0.04	0.04	1.12
Jumlah		2.25	2.17	0.98	0.32	0.27	6.00

Sumber: Harwood Timber Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 11 April 2013 menyatakan hutang dikutip dengan aktif dan laporan berkaitan hutang disediakan setiap bulan. Harwood juga bersetuju dengan syor Audit agar prosedur kutipan hutang dan tempoh kredit dikaji semula serta diselaraskan.**

Pada pendapat Audit proses pengeluaran ECC dan pemeriksaan balak perlu dipatuhi sepenuhnya. Pihak Audit juga berpendapat automasi sistem kewangan berkomputer Harwood hendaklah disegerakan atau diberi keutamaan bagi memberi peringatan tunggakan hutang syarikat sebelum ECC baru dikeluarkan serta had dan tempoh tunggakan ditetapkan.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, Harwood tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

4.4.3.1. Rancangan Korporat Belum Disediakan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati Harwood ada menyediakan petunjuk prestasi utama tetapi belum menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan panjang. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 11 April 2013 menyatakan Harwood bersetuju dengan syor Audit untuk menyediakan Rancangan Korporat memandangkan Harwood bercadang untuk mengembangkan aktiviti dalam bidang lain.**

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati Harwood belum menubuhkan Jawatankuasa Audit seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan dan Buku Transformasi GLC tersebut. Semakan Audit seterusnya

mendapati Unit Audit Dalam PUSAKA ada melaksanakan pengauditan terhadap operasi dan pengurusan Harwood setiap tahun dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit PUSAKA. Skop pengauditan yang telah dijalankan merangkumi pengurusan tunai, penghutang, pemiutang, pembayaran, pelaburan dan aset tetap. Bagaimanapun, skop pengauditan yang dijalankan tidak merangkumi pengurusan aktiviti utama Harwood. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 11 April 2013 menyatakan pihak Harwood bersetuju dengan syor Audit agar Unit Audit Dalam PUSAKA menjalankan pengauditan terhadap aktiviti utama Harwood di masa hadapan.**

4.4.3.3. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 tahun 1993 menyatakan bahawa syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Menteri bertanggungjawab terhadap Badan Berkanun Negeri berkenaan. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati Harwood telah membayar dividen kepada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak sejumlah RM900,000 setiap tahun untuk tempoh 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, pembayaran dividen hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan kepada Menteri bertanggungjawab terhadap Badan Berkanun Negeri berkenaan.

4.4.3.4. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri bertanggungjawab terhadap Badan Berkanun Negeri berkenaan untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus sejumlah RM0.65 juta, RM1.29 juta dan RM1.29 juta telah dibuat bagi tahun 2009 sehingga tahun 2011. Bayaran bonus telah diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah tetapi kelulusan daripada Menteri bertanggungjawab terhadap Badan Berkanun Negeri berkenaan belum diperolehi.

4.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman, pengurusan sumber manusia dan aset. Adalah didapati prosedur dan peraturan kewangan Harwood ada disediakan dan dinyatakan pada *Financial Manual*. Bagaimanapun peraturan berkaitan pelaburan saham dan unit amanah serta tuntutan bayaran balik perbelanjaan oleh ahli Lembaga Pengarah yang boleh dibawa ke bulan hadapan dari bulan sebelumnya tidak dinyatakan pada *Financial Manual* tersebut. Dari segi kawalan pendapatan, semakan Audit terhadap 30 sampel invois yang

dikeluarkan oleh pejabat Harwood di Bahagian Sibu pada tahun 2012 mendapati 18 invois bernilai RM28,523 lewat dikeluarkan antara 3 hingga 13 hari dari tarikh dimasukkan ke *Harwood Endorsement System* (HENDIS). Tempoh kredit untuk penghutang hanya dinyatakan dalam invois untuk Bahagian Sibu sahaja iaitu 7 hari untuk bayaran pengeluaran ECC dan 14 hari untuk pas pengangkutan. Semakan Audit seterusnya mendapati Harwood tidak mengenakan caj faedah sebanyak 1.5% sebulan terhadap hutang yang belum dijelaskan. **Maklum balas daripada Harwood bertarikh 28 Mac 2013 menyatakan peraturan kewangan berkaitan pelaburan dalam saham dan unit amanah sedang dikemas kini. Tuntutan bayaran balik oleh ahli Lembaga Pengarah berkaitan perbelanjaan bulan sebelumnya dibawa ke bulan hadapan dan tidak dilupuskan seperti yang diluluskan oleh lembaga pengarah. Kelewatan mengeluarkan invois disebabkan oleh faktor logistik dalam penghantaran dokumen dari Bahagian Kapit ke Sibu. Bagi mengatasi masalah ini, Harwood bercadang membangunkan sistem perakaunan di Bahagian Kapit supaya pengeluaran invois dapat dilakukan di kawasan berhampiran tempat pemeriksaan.**

4.4.3.6. Pemantauan

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2010, 3 kali pada tahun 2011 dan 3 kali pada tahun 2012. Sejak Harwood ditubuhkan pada 1985, mesyuarat Lembaga Pengarah Harwood telah diadakan sebanyak 67 kali. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan laporan pengurusan dari segi kewangan dan aktiviti syarikat, pengesahan penyata kewangan syarikat, isu berkaitan kewangan seperti bajet dan perbelanjaan, serta isu berkaitan operasi, pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan seperti pengesahan penyata kewangan tahunan dan pelantikan juruaudit luar.

Pada pendapat Audit, pihak Harwood perlu menyediakan rancangan korporat dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Pihak Audit juga berpendapat Unit Audit Dalam PUSAKA hendaklah melakukan pengauditan terhadap aktiviti utama Harwood.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat, Harwood Timber Sdn. Bhd. (Harwood) adalah disyorkan:

4.5.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah

pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat memandangkan syarikat bercadang untuk mengembangkan aktiviti dalam bidang lain.

4.5.2. Memastikan proses pengeluaran ECC dan pemeriksaan balak dipatuhi sepenuhnya dan sistem kewangan berkomputer Harwood hendaklah diautomasikan bagi memberi peringatan tunggakan hutang syarikat sebelum ECC baru dikeluarkan serta had dan tempoh tunggakan ditetapkan.

4.5.3. Mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya dan Unit Audit Dalam PUSAKA hendaklah melakukan pengauditan terhadap aktiviti utama Harwood.

4.5.4. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Harwood dan PUSAKA.

5. PETRONESA SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Petronesa Sdn. Bhd. merupakan syarikat subsidiari Yayasan Sarawak (YS) yang memiliki 60% syer manakala 30% syer dimiliki oleh syarikat bumiputera dan baki 10% syer lagi dimiliki oleh orang perseorangan dengan modal dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM8 juta. Syarikat ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 25 Mei 1985 dengan nama asal adalah JAARIANA Sdn. Bhd. yang kemudian dikenali sebagai BORMOB OIL Sdn. Bhd. pada tahun 1987 sebelum ditukar nama kepada Petronesa Sdn. Bhd. (PSB) mulai 22 Julai 1991.

5.1.2. Aktiviti utama PSB adalah menjalankan perniagaan menjual produk pengguna seperti kelengkapan rumah kepada kakitangan awam di seluruh Malaysia melalui skim pinjaman. Objektif penubuhan adalah menjadi sebahagian daripada komuniti perdagangan yang mengambil peluang terhadap permintaan yang tinggi bagi pembiayaan barangan konsumer khususnya keperluan pembiayaan kredit oleh penjawat awam. Visi dan misi korporat adalah untuk menjadi pilihan utama pembiayaan kewangan secara kredit dan menguasai 40% daripada pembiayaan kredit oleh penjawat awam melalui potongan gaji khususnya di Sarawak dan di Malaysia amnya.

5.1.3. Lembaga Pengarah PSB dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak dan dianggotai oleh 6 ahli. Tiga ahli adalah daripada YS yang mana seorang daripadanya dilantik sebagai Pengarah Urusan dan 3 ahli yang lain adalah daripada sektor swasta. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 13 kakitangan sokongan. Pengurusan kewangan syarikat pula diuruskan oleh Petronesa Services Sdn. Bhd. yang juga merupakan salah satu anak syarikat milik YS. Sebagai sebuah syarikat yang mana 60% syer dimiliki oleh YS, PSB perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh 2009 hingga 2011, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat PSB bagi

tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan ini dijalankan di pejabat PSB Jalan Satok, Kuching dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan. Analisis prestasi kewangan syarikat dilakukan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dengan pegawai PSB dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan PSB adalah baik kerana mencatatkan keuntungan selepas cukai daripada sejumlah RM2.26 juta pada tahun 2009 kepada RM5.21 juta tahun 2010 iaitu 130% peningkatan dan RM5.14 juta pada tahun 2011. Keuntungan terkumpul menurun daripada sejumlah RM24.16 juta pada 2009 kepada RM21.46 juta pada 2010 dan meningkat semula kepada RM24.35 juta pada tahun 2011. Selain itu, pengauditan yang dijalankan juga mendapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PSB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut:

- Ada kes-kes di mana kelulusan pinjaman tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Tiada senarai tunggakan terkumpul bagi tunggakan bayaran balik.
- Rancangan korporat belum disediakan.
- *Standard Operating Procedures* belum disediakan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PSB, analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan PSB yang telah diaudit bagi tempoh 2009 hingga 2011. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan PSB.

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati PSB telah mencatat keuntungan selepas cukai untuk 3 tahun berturut-turut bagi tempoh 2009 hingga 2012 iaitu peningkatan daripada sejumlah RM2.26 juta pada tahun 2009 kepada RM5.21 juta pada tahun 2010 dan RM5.14 juta pada tahun 2011. Peningkatan keuntungan sejumlah RM2.95 juta atau 130% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah disebabkan peningkatan jualan. Bagaimanapun keuntungan terkumpul menurun daripada RM24.16 juta pada tahun 2009 kepada RM21.47 juta pada tahun 2010 tetapi meningkat semula kepada RM24.36 juta pada tahun 2011. Penurunan keuntungan terkumpul syarikat pada tahun 2010 adalah disebabkan penerbitan 5 juta saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu sebagai terbitan saham bonus dengan nisbah 5 saham biasa untuk 3 saham biasa yang dipegang setakat 31 Ogos 2010.

- b. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung PSB meningkat untuk tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu RM54.52 juta pada tahun 2009, RM94.41 juta pada tahun 2010 dan RM79.99 juta pada tahun 2011. Trend menaik ini adalah disebabkan peningkatan jualan yang mana sumber utama pendapatan langsung PSB adalah terdiri daripada jualan kredit, caj perkhidmatan dan caj perkhidmatan pinjaman semula. Butiran pendapatan langsung PSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1

Pendapatan Langsung PSB Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Jualan Kredit	42.54	77.63	62.94
2.	Caj Perkhidmatan	11.98	14.81	15.84
3.	Caj Perkhidmatan Pinjaman Semula	0.00	1.97	1.21
Jumlah		54.52	94.41	79.99

Sumber: Penyata Kewangan Petronesa Sdn. Bhd.


- c. Perbelanjaan langsung PSB bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah merupakan kos jualan, masing-masing berjumlah RM47.19 juta, RM81.83 juta dan RM67.32 juta yang antaranya adalah pembelian, insentif pengedar, insentif jualan dan yuran Biro Perkhidmatan Angkasa. Analisis Audit mendapati trend peningkatan perbelanjaan langsung syarikat adalah selaras dengan trend peningkatan pendapatan langsung. Perbelanjaan tidak langsung PSB pula merupakan perbelanjaan pentadbiran syarikat dan kos kewangan. Analisis Audit seterusnya mendapati perbelanjaan tidak langsung PSB menunjukkan peningkatan 3 tahun berturut-turut daripada RM4.46 juta pada tahun 2009 kepada RM5.69 juta pada tahun 2010 dan RM6.25 juta pada tahun 2011. Peningkatan perbelanjaan tidak langsung dalam tempoh tersebut disebabkan pertambahan kos kewangan, yuran kontrak, imbuhan Ahli Lembaga Pengarah, kos pembaikan dan penyenggaraan serta elaun perjalanan.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan PSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.2**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.2
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Keuntungan PSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	54.52	94.41	79.99
Perbelanjaan Langsung	47.19	81.83	67.32
Untung Kasar	7.33	12.58	12.67
Pendapatan Lain	0.38	0.34	0.57
Perbelanjaan Pentadbiran	2.23	2.54	2.35
Untung Operasi	5.48	10.38	10.89
Kos Kewangan	2.23	3.15	3.90
Keuntungan Sebelum Cukai	3.25	7.23	6.99
Cukai	0.98	2.02	1.85
Keuntungan Selepas Cukai	2.26	5.21	5.14
Dividen Dibayar	1.35	2.90	2.25
Terbitan Saham Bonus	-	5.00	-
Keuntungan Berkumpul	24.16	21.47	24.36


Sumber: Penyata Kewangan Petronesa Sdn. Bhd

Carta 5.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Berkumpul Bagi Tahun Kewangan
2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Petronesa Sdn. Bhd.

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Petronesa Sdn. Bhd.

5.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan PSB, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk pada Lembaran Imbangan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	1.51:1	1.65:1	6.49:1
Margin Keuntungan	5.3%	6.7%	8.2%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.01:1	0.03:1	0.04:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.08:1	0.18:1	0.16:1

Sumber: Penyata Kewangan Petronesa Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 1.51:1, 1.65:1 dan 6.49:1. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa PSB mempunyai kecairan yang baik untuk menampung liabiliti semasa syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati PSB telah mencatatkan keuntungan sebanyak 5.3% pada tahun 2009, 7.6% pada tahun 2010 dan 8.2% pada tahun 2011.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah semakin baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset PSB meningkat daripada satu sen pada tahun 2009 kepada 3 sen pada tahun 2010 dan 4 sen pada tahun 2011.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah adalah semakin baik kerana ia memberi gambaran bahawa syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati pulangan ekuiti PSB kepada pemegang saham meningkat daripada

8 sen pada tahun 2009 kepada 18 sen pada tahun 2010 tetapi menurun kepada 16 sen pada tahun 2011.

- e. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013 menyatakan usaha untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat adalah dengan membuat produk berinovasi baru tanpa modal dengan strategi lautan biru pada tahun 2011. Produk ini adalah Skim C dan Skim D, ianya merupakan kerjasama di antara PSB dan pesaingnya, HDM Capital Sdn. Berhad (HDM) dan Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFH) bagi mencapai kebaikan bersama. Mulai tahun 2011, PSB telah bertindak sebagai penjual produk dan pemungut hutang bagi HDM dan KFH dan hasilnya boleh dilihat dalam pendapatan RM0.56 juta dalam tahun 2011 dan meningkat ke RM1.39 juta pada tahun 2012, di samping itu produk ini tidak memerlukan PSB meningkatkan pinjaman. PSB berhasrat meningkatkan jualan produk ini dan menghadkan jualan Skim A (produk dalaman) ke tahap bawah RM5 juta sebulan. Ini telah terbukti berjaya dalam bulan Januari 2013 di mana jualan skim A adalah RM2.60 juta dan skim B, C dan D adalah RM41.20 juta. Ini telah menjana pendapatan kasar sejumlah RM2.74 juta dan pendapatan bersih sejumlah RM1.60 juta. Nisbah pulangan ke atas ekuiti bagi tahun 2012 telah meningkat kepada 20 sen daripada 16 sen pada tahun 2011.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PSB adalah baik. Bagaimanapun, trend pendapatan langsung bagi tahun 2011 adalah menurun berbanding dengan tahun 2010. Petronesa Sdn. Bhd. hendaklah lebih agresif memasarkan produk yang sedia ada bagi mengukuhkan kewangan syarikat serta mengawal kos operasinya.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama PSB adalah menjalankan perniagaan kelengkapan rumah melalui skim pinjaman kepada kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui potongan gaji. Petronesa Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian dengan 4 syarikat untuk membekal kelengkapan rumah. Semakan Audit ke atas aktiviti PSB mendapati:

5.4.2.1. Kelulusan Pinjaman Tidak Mengikut Peraturan Yang Ditetapkan

- a. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 28 Disember 2005 dan Surat Pekeliling Bil. 2/2008 daripada Jabatan Ketua Menteri bertarikh 21 Januari 2008 telah meminta Ketua Jabatan memastikan supaya pendapatan bersih seorang pegawai sekurang-kurangnya 40% daripada emolumen (gaji pokok dan elaun-elaun tetap) mereka dan tidak berada dalam keberhutangan kewangan yang serius.
- b. Semakan Audit terhadap *Master List Shortfall Account* dan juga Kertas Lembaga Pengarah No. 5/2010 bertarikh 23 Mac 2010 mendapati PSB telah meluluskan

pinjaman kepada penjawat awam yang telah mempunyai potongan gaji melebihi 60% berdasarkan pemahaman bahawa borang permintaan peruntukan pembayaran (Borang T.228) telah disahkan oleh Ketua Jabatan. Semakan Audit seterusnya mendapati pinjaman yang diluluskan pada bulan Mei hingga Julai 2010 melibatkan sebanyak 253 akaun berjumlah RM3.62 juta untuk amaun prinsipal dan RM2.68 juta bagi caj perkhidmatan telah ditolak untuk pemotongan gaji oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri.

- c. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013 menyatakan baki pinjaman masih tertunggak adalah RM2 juta terdiri daripada modal dan keuntungan. Usaha akan terus dijalankan setiap tahun apabila peminjam mendapat kenaikan gaji atau ada pinjaman lain yang telah selesai dipotong atau semakan semula gaji yang dijangka tahun ini seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan.**

5.4.2.2. Tiada Senarai Tunggakan Berkumpulan Bagi Tunggakan Bayaran Balik

- a. Semakan Audit terhadap *Master List For Shortfall Account* bagi bulan Mei 2012 untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan dan bulan Julai 2012 bagi kakitangan Kerajaan Negeri mendapati tunggakan semasa bayaran balik pinjaman untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah sejumlah RM114,904 dan RM61,306 masing-masing melibatkan sebanyak 385 akaun dan 156 akaun. Maklumat lanjut mengenai tunggakan bayaran balik bagi bulan Mei dan Julai 2012 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Tunggakan Bayaran Balik Untuk Bulan Mei Dan Julai 2012

Jenis Peminjam	Bulan	Bilangan Akaun Tertunggak	Jumlah Tertunggak (RM)	Sebab-Sebab			
				Gaji Tidak Mencukupi/ Potongan Melebihi 60%	Mufliis	Bersara Dan Letak Jawatan	Lain-lain
Kakitangan Kerajaan Negeri	Julai	156	61,306	74	9	19	54
Kakitangan Kerajaan Persekutuan	Mei	385	114,904	99	45	37	204
Jumlah		541	176,210	173	54	56	258

Sumber: Petronesa Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit mendapati tunggakan bayaran ini adalah disebabkan:
- Gaji peminjam tidak mencukupi untuk membayar kesemua jumlah ansuran bulanan kerana telah melebihi had maksimum potongan gaji 60% yang ditetapkan Kerajaan;
 - Peminjam telah mufliis;

- iii. Kakitangan meletakkan jawatan atau bersara; dan
 - iv. Lain-lain sebab seperti diberhentikan kerja dan dikenakan tindakan tatatertib.
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati PSB tidak menyediakan senarai tunggakan terkumpul berserta perumuran tunggakan pinjaman yang diberikan kepada penjawat awam untuk mengawal peningkatan tunggakan sedia ada. Ini menyukarkan PSB untuk membuat pemantauan terhadap tunggakan pinjaman berdasarkan bilangan akaun, tempoh dan amaun tunggakan yang terlibat.
- d. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013 menyatakan bagi peminjam yang potongannya melalui Biro Perkhidmatan Angkasa, usahasama telah dibuat dan daripada tunggakan bayaran balik RM0.18 juta, PSB telah mendapat balik RM0.04 juta dan usaha berterusan untuk membantu peminjam menyelesaikan hutang tertunggak terus dijalankan seperti membenarkan mereka membayar secara tunai dan membuat pinjaman daripada institusi lain bagi menyelesaikan hutang. Menurut PSB tunggakan bayaran balik (NPL) adalah kurang daripada satu peratus daripada keseluruhan pinjaman diberi.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti PSB adalah memuaskan. Aktiviti PSB boleh ditambah baik dengan memperketatkan proses tapisan permohonan pinjaman dan melakukan perumuran tunggakan sebagai mekanisme kawalan terhadap tunggakan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, PSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat PSB mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Rancangan Korporat Belum Disediakan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan Rancangan Korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati PSB belum menyediakan Rancangan Korporat jangka pendek dan panjang berserta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktiviti. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013**

menyatakan PSB akan mengumpul dan seterusnya mendokumentasikan Rancangan Korporat.

5.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam Belum Ditubuhkan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, Syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati PSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun isu Audit yang dibangkitkan ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Petronesa Sdn. Bhd. didapati menggunakan khidmat Unit Audit Dalam YS bagi merancang, melaksana pengauditan dan menyediakan laporan. Semakan Audit seterusnya mendapati kali terakhir pengauditan dalaman dijalankan adalah pada 21 Julai 2006 yang dijalankan oleh Prima Corporate Services, sebuah firma kesetiausahaan berlesen. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013 menyatakan PSB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam YS. Setakat ini, Unit Audit Dalam YS belum melaksanakan pengauditan dalaman terhadap PSB.**

5.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan dan cadangan pembayaran dividen perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati PSB telah membayar dividen bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 iaitu masing-masing berjumlah RM1.35 juta, RM2.90 juta dan RM2.25 juta kepada YS dan pemegang sahamnya. Semakan seterusnya mendapati pembayaran dividen hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah.

5.4.3.4. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan mendapat kelulusan di dalam tempoh sebulan selepas akaun ditutup. Semakan Audit mendapati PSB telah membayar bonus seperti **Jadual 5.5**. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah.

Jadual 5.5
Pembayaran Bonus Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Kategori	2009		2010		2011	
		Kuantum (Bulan)	(RM)	Kuantum (Bulan)	(RM)	Kuantum (Bulan)	(RM)
1.	Pengurusan Dan Kakitangan	3	112,350	6	212,380	6	186,306
2.	Lembaga Pengarah Dan Setiausaha Syarikat	8	123,998	16	249,966	16	265,540
Jumlah			236,348		462,346		451,846

Sumber: Petronesa Sdn. Bhd.

5.4.3.5. *Standard Operating Procedures* Tidak Disediakan

Petronesa Sdn. Bhd. tidak menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. **Maklum balas daripada pihak PSB bertarikh 13 Mac 2013 menyatakan bahawa Lembaga Pengarah telah meluluskan untuk PSB melantik pihak swasta untuk mendokumenkan SOP PSB.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PSB boleh dipertingkatkan dengan menyediakan Rancangan Korporat supaya hala tuju dan prestasi syarikat dapat diukur. Petronesa Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan SOP untuk mengurus dan mengawal operasi kewangan dengan cekap dan teratur.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat, Petronesa Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

5.5.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

5.5.2. Memperketatkan proses tapisan permohonan pinjaman dan melakukan perumuran tunggakan sebagai mekanisme kawalan terhadap tunggakan.

5.5.3. Menyediakan *Standard Operating Procedures* untuk mengurus dan mengawal operasi kewangan dengan cekap dan teratur.

5.5.4. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Petronesa Sdn. Bhd. dan Yayasan Sarawak.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

20 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my